



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
&  
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**300**

**UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU  
(UPBMG)**

**FORMAT DAN SPESIFIKASI UJIAN**

---

Maklumat yang terdapat dalam buku ini digunakan mulai tahun 2022 dan tahun-tahun seterusnya sehingga diberitahu kemudian.

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## PRAKATA

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Akta 225) ialah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). MPM diurus oleh Lembaga Pengelola yang dikenali sebagai "Majlis" yang terdiri daripada Naib-naib Canselor universiti awam yang ditubuhkan di bawah Seksyen 6 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan di bawah Seksyen 1A Akta Universiti Teknologi MARA 1976, Ketua Setiausaha KPM, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Lembaga Peperiksaan, Ketua Eksekutif MPM, dan lima lagi Ahli Majlis yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi MPM dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dalam kalangan Naib-naib Canselor universiti awam.

MPM bertanggungjawab untuk mengendalikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sejak tahun 1982. Peperiksaan ini menggantikan Sijil Tinggi Persekolahan (STP) yang dikendalikan oleh *University of Cambridge Local Examinations Syndicate* (UCLES) dengan kerjasama Universiti Malaya. Sejak tahun 1999, MPM juga bertanggungjawab untuk mengendalikan *Malaysian University English Test* (MUET).

Pada tahun 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengamanahkan MPM untuk mengelolakan pelaksanaan Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG) mulai tahun 2022. Pengelolaannya termasuk membangunkan instrumen UPBMG dan mentadbir UPBMG kepada kumpulan sasaran yang diluluskan KPM. Demi menyempurnakan amanah ini, MPM mestilah menjadikan KPM sebagai rakan sinergi dalam pelaksanaan UPBMG, selain menjadikan panel pembangunan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) sebagai pakar rujuk dalam pembinaan instrumen, di samping mendapatkan kepakaran daripada pakar-pakar bahasa Melayu dari dalam dan luar KPM.

Usaha menggubal spesifikasi ujian ini telah dilaksanakan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berusaha Profesor Dr. Abdul Rasid bin Jamian dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ahli jawatankuasa yang lain adalah pakar bahasa Melayu yang terdiri daripada pensyarah universiti awam, pensyarah institut pendidikan guru, pegawai KPM, dan guru-guru yang berpengalaman luas dalam pedagogi Bahasa Melayu. Bagi pihak MPM, saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa ini atas khidmat yang telah diberikan. Oleh hal yang demikian, menjadi harapan besar MPM agar spesifikasi ujian ini menjadi panduan kepada semua calon yang akan menduduki ujian ini kelak.

Akhir kata, semoga spesifikasi dan format ujian UPBMG yang dibangunkan ini dapat memberikan kesan positif kepada guru Bahasa Melayu bagi memastikan ilmu bahasa Melayu dapat disampaikan dengan berkesan kepada murid.

Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan atas sumbangan Jawatankuasa Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG), iaitu:

### **Pengerusi**

Profesor Dr. Abdul Rasid bin Jamian  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Encik Khairulanuar bin Ismail  
Institut Pendidikan Guru  
Kampus Ipoh, Perak

### **Ahli**

Prof. Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Encik Razlee bin Mohamad  
Bahagian Profesionalisme Guru,  
Putrajaya

Prof. Madya Dr. Mohd Isha bin Awang  
Universiti Utara Malaysia

Encik Mohd Khir bin Kassim  
Kolej Tingkatan Enam Petaling Jaya,  
Selangor

Prof. Madya Dr. Maslida binti Yusoff  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Rohayu binti Jalaludin  
SMK Tersang, Pahang

Dr. Wan Norlidza binti Wan Mohd Zain  
Institut Pendidikan Guru  
Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur

Puan Hamidah binti Baharom  
SMK King Edward VII, Perak

Dr. Zanariah binti Ibrahim  
Institut Pendidikan Guru Malaysia,  
Cyberjaya

Encik Zulkifli bin Mohd Top  
SBPI Sabak Bernam, Selangor

Dr. Rosli bin Ab Rahman  
Institut Pendidikan Guru  
Kampus Dato' Razali Ismail,  
Terengganu

Puan Juwariah binti Ibrahim  
SMK Seksyen 9, Shah Alam, Selangor

Dr. Hasmidar binti Hasan  
Universiti Sains Malaysia

Encik Ang Seew Hooi  
SMK Union, Pulau Pinang

Dr. Mardian Shah bin Omar  
Universiti Malaya

Puan Bavani a/p Palani  
SMK Gombak Setia, Selangor

Dr. Muhammad Zuhair bin Zainal  
Universiti Sains Malaysia

Puan Roziah binti Yahaya  
SMK TTDI Jaya, Selangor

Dr. Hawiyah binti Baba  
SMK Tinggi Kajang, Selangor

Puan Maslinda binti Zakaria  
SMK Bandar Tasik Selatan, Kuala  
Lumpur

## KANDUNGAN

	<i>Halaman</i>
Pengenalan	1
Skala Tahap Pencapaian Keseluruhan UPBMG	4
Skala Tahap Pencapaian UPBMG	
Kemahiran Bertutur (300/1)	5
Kemahiran Membaca (300/2)	6
Kemahiran Menulis (300/3)	7
Kemahiran Mendengar (300/4)	8
Spesifikasi dan Format Ujian UPBMG	
Kemahiran Bertutur (300/1)	9
Kemahiran Membaca (300/2)	13
Kemahiran Menulis (300/3)	18
Kemahiran Mendengar (300/4)	25
Rujukan	33
Soalan contoh	
Kemahiran Bertutur (300/1)	35
Kemahiran Membaca (300/2)	51
Kemahiran Menulis (300/3)	67
Kemahiran Mendengar (300/4)	71

# PENGENALAN

## Latar Belakang

Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG) diperkenalkan bagi memupuk pembangunan diri dan menyediakan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan khususnya guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. UPBMG ialah instrumen yang menguji kecekapan kemahiran bahasa, iaitu bertutur, membaca, menulis, dan mendengar dalam kalangan guru yang mengajarkan Bahasa Melayu.

Mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi Ujian dan Format bagi UPBMG telah menetapkan tahap minimum penguasaan kemahiran guru Bahasa Melayu pada Tahap 4 berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KPM, 2018a, 2018b, 2019, 2021). Semua guru Bahasa Melayu perlu menguasai tahap penguasaan yang telah ditetapkan bagi memacu transformasi pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia secara sistematik dan strategik pada semua peringkat bagi memastikan peningkatan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. UPBMG ini juga dijalankan untuk memberikan jaminan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberikan perhatian terhadap kecekapan berbahasa guru Bahasa Melayu.

## Matlamat

Secara umumnya, UPBMG dilaksanakan dengan matlamat untuk menentukan tahap kecekapan berbahasa dalam kalangan guru Bahasa Melayu, sama ada guru opsyen Bahasa Melayu atau guru bukan opsyen Bahasa Melayu.

## Objektif Peperiksaan

UPBMG dilaksanakan bagi mencapai objektif yang berikut:

- (a) Mengenal pasti tahap kecekapan kemahiran bahasa guru dalam pengajaran Bahasa Melayu
- (b) Menentukan standard aras kecekapan kemahiran bahasa dalam kalangan guru Bahasa Melayu

## Sasaran

Semua guru yang mengajarkan Bahasa Melayu pada semua peringkat, iaitu sekolah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah jenis kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah agama, sekolah berasrama penuh, sekolah wawasan, sekolah kluster, sekolah mubaligh, Sekolah Seni, Sekolah Sukan, Sekolah Pendidikan Khas, sekolah swasta, sekolah menengah teknik, Kolej Tingkatan Enam, dan Kolej Vokasional.

## **Aspek yang Diukur**

Dalam UPBMG, kemahiran bahasa yang akan diukur meliputi empat komponen utama, iaitu kemahiran bertutur, membaca, menulis, dan mendengar. Keempat-empat komponen kemahiran bahasa tersebut digunakan untuk menentukan tahap kecekapan berbahasa dalam kalangan guru.

## **Komponen Ujian**

UPBMG ini terdiri daripada empat komponen:

- (a) Kemahiran Bertutur
- (b) Kemahiran Membaca
- (c) Kemahiran Menulis
- (d) Kemahiran Mendengar

### **Kemahiran Bertutur**

Ujian ini bertujuan untuk mengukur tahap kecekapan calon yang merangkumi aspek sebutan, tekanan, jeda, intonasi, bahasa, pemilihan kata, kelancaran, kefasihan, dan laras bahasa. Ujian ini juga menguji tahap penguasaan calon dalam aspek tatabahasa dan menganalisis hujah secara bertatasusila terhadap maklumat dalam pelbagai bahan dan teks yang kompleks.

### **Kemahiran Membaca**

Ujian ini bertujuan untuk mengukur tahap kecekapan calon dalam sistem bahasa yang meliputi aspek morfologi, sintaksis, semantik, pragmatik, wacana, dan laras bahasa.

### **Kemahiran Menulis**

Ujian ini bertujuan untuk mengukur tahap kecekapan calon menghasilkan wacana yang utuh daripada pelbagai tema dan bidang yang menepati perbendaharaan kata, morfologi, sintaksis, wacana, semantik, laras bahasa, pragmatik, dan sosiolinguistik. Ujian ini juga bertujuan untuk menilai kemampuan dan kecekapan calon untuk memahami teks yang bersifat ilmiah dan bukan ilmiah daripada pelbagai bidang dan genre calon.

### **Kemahiran Mendengar**

Ujian ini bertujuan untuk mengukur tahap kecekapan mendengar calon supaya dapat mempamerkan pengetahuan dan pemahaman sedia ada.

Masa ujian bagi setiap komponen adalah seperti yang berikut:

<b>Kod kertas</b>	<b>Kertas</b>	<b>Masa ujian</b>
300/1	Kemahiran Bertutur	30 minit
300/2	Kemahiran Membaca	60 minit
300/3	Kemahiran Menulis	90 minit
300/4	Kemahiran Mendengar	30 minit

### **Pelaporan Keputusan**

Pelaporan keputusan adalah berdasarkan tahap skala pencapaian yang diperolehi pada setiap kemahiran dan tahap skala pencapaian keseluruhan.



## SKALA TAHAP PENCAPAIAN KESELURUHAN UPBMG

Diadaptasi daripada Kerangka Standard Bahasa Melayu (2021)

<i>Tahap</i>		<i>Deskripsi KSBM</i>
<i>UPBMG</i>	<i>KSBM</i>	
6.0	6	berupaya untuk menjana idea baharu berdasarkan bahan yang mengandungi maklumat kompleks dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya
5.5	5	berupaya untuk menilai maklumat daripada pelbagai bahan dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya
5.0		
4.5	4	berupaya untuk merumuskan idea berdasarkan perbincangan dan teks yang kompleks dengan menggunakan laras bahasa dan wacana secara bertatasusila
4.0		
3.5	3	berupaya untuk menyampaikan maklumat berdasarkan teks yang lazim dan diminati dengan menggunakan pelbagai jenis dan ragam ayat
3.0		
2.5	2	berupaya untuk menerangkan perihal kejiwaan dan aktiviti harian dengan menggunakan kata hubung dan ayat mudah dan lazim untuk berkomunikasi
2.0		
1	1	berupaya untuk menyatakan perihal diri dan keluarga dengan menggunakan simbol, perkataan, dan frasa mudah dan lazim

**SKALA TAHAP PENCAPAIAN UPBMG  
KEMAHIRAN BERTUTUR (300/1)**

Diadaptasi daripada Kerangka Standard Bahasa Melayu (2021) Kemahiran Bertutur

Tahap		Deskripsi KSBM
UPBMG	KSBM	
6.0	6	<ul style="list-style-type: none"> <li>menyampaikan pelbagai isu dan idea yang kompleks dalam sesuatu wacana yang utuh yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>menyampaikan pelbagai isu dan idea yang kompleks daripada pelbagai tema dalam sesuatu wacana yang utuh yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>menyampaikan pelbagai isu dan idea yang kompleks daripada pelbagai bidang dalam pelbagai wacana yang utuh yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
5.5	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya secara santun, fasih, dan spontan dalam sesuatu situasi</li> <li>bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya secara santun, fasih, dan spontan dalam menyampaikan idea yang kreatif</li> </ul>
5.0		<ul style="list-style-type: none"> <li>bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya secara santun, fasih, dan spontan dalam membuat penilaian secara kritis terhadap bahan pelbagai tema</li> </ul>
4.5	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>bertutur dengan menggunakan laras bahasa dan wacana tertentu secara bertatasusila tentang pelbagai topik dan bidang</li> <li>bertutur dengan menggunakan laras bahasa tertentu secara bertatasusila tentang pelbagai bahan dan teks yang kompleks</li> </ul>
4.0		<ul style="list-style-type: none"> <li>bertutur dengan menggunakan laras bahasa tertentu secara fasih dan spontan tentang sesuatu isu dalam perbincangan</li> </ul>
3.5	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>bertutur dengan menggunakan pelbagai ayat berdasarkan maklumat penting dalam sesuatu perbincangan tentang perkara yang lazim</li> <li>bertutur dengan menggunakan pelbagai ayat untuk memberikan maklum balas secara spontan tentang idea utama sesuatu topik yang diminati atau yang lazim</li> </ul>
3.0		<ul style="list-style-type: none"> <li>bertutur dengan menggunakan pelbagai ayat tentang cerita yang dibaca atau ditonton dengan reaksi yang sesuai</li> </ul>
2.5	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>berbual menggunakan ayat mudah dan lazim tentang perihal kejiiran</li> <li>berbual dengan sebutan yang jelas untuk mengembangkan isi perbualan berkaitan dengan perihal kejiiran</li> </ul>
2.0		<ul style="list-style-type: none"> <li>bersoal jawab tentang perihal kejiiran dan aktiviti harian yang mengandungi ayat mudah dan lazim</li> </ul>
1.0	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>menuturkan perkataan dan frasa yang mudah dan lazim tentang perihal diri</li> <li>menerangkan perihal diri dan keluarga dengan menggunakan frasa dan ayat mudah dan lazim</li> <li>bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat berkaitan topik yang biasa dituturkan dengan menggunakan frasa dan ayat mudah dan lazim</li> </ul>

**SKALA TAHAP PENCAPAIAN UPBMG  
KEMAHIRAN MEMBACA (300/2)**

Diadaptasi daripada Kerangka Standard Bahasa Melayu (2021) Kemahiran Membaca

<i>Tahap</i>		<i>Deskripsi KSBM</i>
<i>UPBMG</i>	<i>KSBM</i>	
6.0	6	<ul style="list-style-type: none"> <li>membaca pelbagai bahan yang kompleks dalam sesuatu wacana yang utuh yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>membaca bahan yang kompleks daripada pelbagai tema dalam sesuatu wacana yang utuh menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>membaca bahan yang kompleks daripada pelbagai bidang dalam pelbagai wacana yang utuh menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
5.5	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>membaca pelbagai bahan kompleks yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>membaca bahan yang kompleks daripada pelbagai tema yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>membaca bahan yang kompleks daripada pelbagai bidang yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
5.0		
4.5	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>membaca pelbagai bahan yang mengandungi laras bahasa dan wacana tertentu untuk mendapatkan idea</li> <li>membaca pelbagai teks kompleks yang mengandungi laras bahasa dan wacana tertentu untuk mendapatkan idea</li> <li>membaca pelbagai bahan dan teks kompleks yang mengandungi laras bahasa dan wacana tertentu untuk mendapatkan idea</li> </ul>
4.0		
3.5	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>membaca bahan atau teks yang diminati atau lazim yang menggunakan pelbagai ayat untuk mendapatkan maklumat penting</li> <li>membaca bahan atau teks yang diminati atau lazim yang mempunyai idea yang berkesinambungan yang menggunakan pelbagai ayat</li> <li>membaca pelbagai bahan atau teks yang diminati atau lazim yang menggunakan pelbagai ayat untuk mendapatkan idea baharu</li> </ul>
3.0		
2.5	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>membaca bahan tentang perihal kejiranan dan aktiviti harian yang mengandungi ayat mudah dan lazim dengan sebutan yang jelas, lancar, dan intonasi yang betul</li> <li>membaca dan memahami cerita tentang perihal kejiranan dan aktiviti harian yang mengandungi ayat mudah dan lazim</li> <li>membaca dan memahami bahan yang mengandungi ayat mudah dan lazim tentang perihal kejiranan dan aktiviti harian</li> </ul>
2.0		
1.0	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>membaca dan mengenal pasti simbol, perkataan, dan frasa yang mudah dan lazim digunakan</li> <li>membaca simbol, perkataan, dan frasa yang mudah dan lazim digunakan dengan menggunakan intonasi dan sebutan yang betul</li> <li>membaca untuk memahami simbol, perkataan, dan frasa yang mudah dan lazim digunakan</li> </ul>

**SKALA TAHAP PENCAPAIAN UPBMG  
KEMAHIRAN MENULIS (300/3)**

Diadaptasi daripada Kerangka Standard Bahasa Melayu (2021) Kemahiran Menulis

<i>Tahap</i>		<i>Deskripsi KSBM</i>
<i>UPBMG</i>	<i>KSBM</i>	
6.0	6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis pelbagai bahan yang kompleks dalam sesuatu wacana yang utuh yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• menulis bahan yang kompleks daripada pelbagai tema dalam sesuatu wacana yang utuh yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• menulis bahan yang kompleks daripada pelbagai bidang dalam pelbagai wacana yang utuh yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
5.5	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis bahan prosa atau kreatif yang mengandungi idea yang kompleks dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• menulis bahan prosa atau kreatif yang mengandungi idea yang kompleks dan berstruktur dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
5.0		<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis bahan prosa atau kreatif yang mengandungi olahan pemikiran kritis dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
4.5	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis pelbagai teks menggunakan laras bahasa tertentu secara bertatasusila</li> </ul>
4.0		<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis pelbagai teks menggunakan teknik dan gaya bahasa tertentu secara bertatasusila</li> <li>• menulis rumusan berdasarkan pelbagai teks yang kompleks mengikut turutan</li> </ul>
3.5	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis sesuatu perkara yang diminati atau lazim dengan menggunakan pelbagai ayat</li> </ul>
3.0		<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis sesuatu perkara yang diminati atau lazim yang mengandungi idea dan hujah yang logik secara berstruktur dengan menggunakan pelbagai ayat</li> <li>• menulis cerita tentang sesuatu perkara yang diminati atau lazim dengan menggunakan pelbagai ayat</li> </ul>
2.5	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis cerita berkaitan perihal kejiranan dan aktiviti harian menggunakan ayat mudah dan lazim</li> </ul>
2.0		<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis cerita mengikut turutan dengan menggunakan kata hubung</li> <li>• menulis sesuatu perkara yang mengandungi maklumat secara berstruktur dengan menggunakan kata hubung, ayat mudah, dan lazim</li> </ul>
1.0	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis sesuatu perkara dengan menggunakan perkataan dan frasa yang mudah dan lazim</li> <li>• menulis sesuatu perkara dengan menggunakan ayat mudah dan lazim</li> <li>• menulis cerita mengikut turutan dengan menggunakan bahasa dan olahan</li> </ul>

**SKALA TAHAP PENCAPAIAN UPBMG  
KEMAHIRAN MENDENGAR (300/4)**

Diadaptasi daripada Kerangka Standard Bahasa Melayu (2021) Kemahiran Mendengar

Tahap		Deskripsi KSBM
UPBMG	KSBM	
6.0	6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendengar pelbagai maklumat dan idea yang kompleks dalam sesuatu wacana yang utuh yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mendengar pelbagai maklumat dan idea yang kompleks daripada pelbagai tema dalam sesuatu wacana yang utuh yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mendengar pelbagai maklumat dan idea yang kompleks daripada pelbagai bidang dalam pelbagai wacana yang utuh yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
5.5	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendengar maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mendengar maklumat daripada sesuatu idea kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mendengar maklumat daripada bahan pelbagai tema dan situasi yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
5.0		
4.5	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendengar perbincangan tentang sesuatu topik dalam pelbagai bidang yang menggunakan pelbagai laras bahasa</li> <li>• mendengar perbincangan tentang sesuatu topik dalam pelbagai bidang yang menggunakan pelbagai laras bahasa secara bertatasusila</li> <li>• mendengar perbincangan berdasarkan teks kompleks yang menggunakan pelbagai laras bahasa</li> </ul>
4.0		
3.5	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendengar maklumat penting dalam perbincangan yang mengandungi pelbagai ayat tentang sesuatu perkara yang lazim</li> <li>• mendengar sesuatu perbincangan yang mengandungi idea utama yang menggunakan pelbagai ayat tentang topik yang diminati atau yang lazim</li> <li>• mendengar untuk memberi respons yang sesuai berdasarkan cerita yang mengandungi pelbagai ayat yang berlainan topik dan latar</li> </ul>
3.0		
2.5	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendengar cerita tentang perihal kejiranan yang mengandungi ayat mudah dan lazim</li> <li>• mendengar perbualan yang mengandungi ayat mudah dan lazim tentang perihal kejiranan</li> <li>• mendengar pertanyaan yang mengandungi ayat mudah dan lazim untuk mendapatkan maklumat tentang perihal kejiranan dan aktiviti harian</li> </ul>
2.0	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendengar ujaran yang mengandungi sebutan dan kosa kata yang mudah dan lazim tentang diri dan keluarga</li> <li>• mendengar perbualan tentang perihal diri dan keluarga yang mengandungi frasa dan ayat mudah dan lazim</li> <li>• mendengar pertanyaan yang mengandungi frasa dan ayat mudah dan lazim dalam sesuatu perbualan</li> </ul>
1.0		

## **SPEKIFIKASI DAN FORMAT UJIAN UPBMG**

### **1 KEMAHIRAN BERTUTUR (300/1)**

Kemahiran bertutur boleh ditakrifkan sebagai satu proses komunikasi yang kompleks, iaitu melibatkan proses mental serta merangsang alat pertuturan untuk menghasilkan bunyi bahasa yang bermakna. Bagi mengukuhkan maksud sesuatu pertuturan, seseorang perlu menggunakan unsur suprasegmental seperti intonasi, nada, tekanan, sebutan, dan jeda yang sesuai. Pertuturan ialah gabungan bunyi bahasa yang dilafazkan. Proses pertuturan berlaku pada peringkat produksi setelah penutur itu dapat memahami dengan baik sesuatu yang didengarnya.

Kemahiran bertutur merupakan salah satu aspek yang terkandung dalam KSBM. Kemampuan dan kecekapan pengguna bahasa untuk berkomunikasi dan berinteraksi dapat menentukan tahap kecekapan seseorang pengguna bahasa dalam bertutur. Kecekapan bertutur amat berkait rapat dengan pengalaman dan kekerapan penggunaannya. Pengguna yang kerap bertutur lazimnya lebih lancar dan fasih dalam pertuturan. Selain itu, potensi pertuturan seseorang juga amat berkait rapat dengan persekitaran serta penguasaan ilmu bahasa seperti kosa kata, tatabahasa, dan elemen kesantunan berbahasa.

Secara khusus, tugas ujian kemahiran bertutur UPBMG bertujuan untuk mengukur tahap kemampuan dan kecekapan calon dalam berkomunikasi dan berinteraksi bagi menentukan tahap kecekapan mereka dalam kemahiran bertutur. Kecekapan bertutur yang diukur merangkumi aspek sebutan, tekanan, jeda, intonasi, bahasa, kelancaran, kefasihan, dan laras bahasa. Selain itu, tugas ini juga mengukur tahap penguasaan tatabahasa calon dan menganalisis hujah secara bertatasusila terhadap maklumat dalam pelbagai bahan dan teks yang kompleks.

#### **1.1 Subjek/Topik Pengujian**

Berhujah dengan menggunakan laras bahasa dan wacana yang sesuai berkaitan dengan bidang umum dan bahasa seperti isu ekonomi, sosiobudaya, kemasyarakatan, pendidikan, kenegaraan, dan global.

#### **1.2 Pengetahuan Latar Belakang**

Tugas ini bertujuan untuk mengukur pengetahuan, pengalaman, dan kefahaman berkaitan dengan dunia sebenar seperti isu semasa dan bidang ilmu bahasa Melayu.

#### **1.3 Kompetensi Linguistik**

Kompetensi linguistik (fonetik, morfologi, sintaksis dan pragmatik) melibatkan interaksi, kerjasama, kebersamaan, dan keteraturan berhujah.

#### **1.4 Kerangka Pengujian**

Teori yang disarankan oleh Jason Fan dan Xun Yan (2020) merupakan kerangka teori yang diadaptasi dan dikembangkan daripada kerangka teori

yang diketengahkan oleh Kane (2006). Teori ini menyarankan penilaian bagi kemahiran bertutur perlulah meliputi enam perkara, iaitu pendefinisian, penilaian, generalisasi, penerangan, ekstrapolasi, dan penggunaan.

Teori ini dapat memenuhi aspek penilaian bagi kemahiran bertutur dalam KSBM, iaitu aspek kefasihan berbahasa dan berbudaya, tatabahasa dan kosa kata, idea dan bermakna, serta sebutan dan intonasi.

### 1.5 Format Ujian (Masa: 30 Minit)

**Jadual 1: Format Ujian Kemahiran Bertutur**

Bahagian ujian	Jenis tugasan	Masa
Bahagian I	Pembentangan individu berdasarkan bahan rangsangan bertulis. Bidang: Umum	1 minit masa persediaan 2 minit masa pembentangan
Bahagian II	Pembentangan berkumpulan berdasarkan bahan rangsangan linear atau tidak linear. Bidang: Bahasa	2 minit masa persediaan 4 minit masa pembentangan (setiap calon) 3 minit masa membuat rumusan

### 1.6 Spesifikasi Tugas

**Jadual 2: Bahagian I – Tugas Individu**

Jenis tugasan	Tugas individu
Rubrik standard	Rubrik standard tugas ini adalah seperti yang berikut: “Anda diberikan masa selama 1 minit untuk bersedia “Anda diberikan masa selama 2 minit untuk bertutur tentang...”
Konteks bertutur	Pembentangan secara individu
Fokus ujian	Satu tajuk yang sama tetapi subtajuk yang berbeza.

**Jadual 3: Bahagian II – Tugas Berkumpulan**

Jenis tugas	Tugas berkumpulan
Rubrik standard	Rubrik standard tugas ini adalah seperti yang berikut: “Anda diberikan masa selama 2 minit untuk bersedia “Anda diberikan masa selama 4 minit untuk bertutur tentang...” “Anda diberikan masa selama 3 minit untuk membuat rumusan”
Konteks bertutur	Pembentangan secara berkumpulan
Fokus ujian	Satu tajuk yang sama untuk dibincangkan dalam kumpulan.

**1.7 Atribut Maklum Balas**

Bentuk ujian	Pembentangan lisan
Laras	Laras bahasa yang digunakan oleh calon ialah laras bahasa formal
Tahap maklum balas	Pertuturan yang terhasil untuk tugas ini sepatutnya berada antara Tahap 4 hingga Tahap 6
Fungsi bahasa	Setiap tugas akan melibatkan perkara yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan pendapat</li> <li>• Menjelaskan alasan</li> <li>• Menerangkan perkara</li> <li>• Menjustifikasikan hujah</li> <li>• Meringkaskan maklumat</li> <li>• Merumuskan idea</li> </ul>
Saiz kumpulan	Maksimum 4 orang calon dalam satu kumpulan



<p>Penguji</p>	<p>2 orang penguji akan mengendalikan sesi ujian.</p> <p>Ketua Penguji (Q) akan memberikan arahan kepada calon berdasarkan bahan ujian dan juga bertindak sebagai penilai kemahiran bertutur calon.</p> <p>Penguji (R) akan bertindak sebagai penilai kemahiran bertutur calon.</p> <p>Hanya seorang penguji yang akan memberikan arahan berkaitan dengan tugas.</p>
<p>Bahan</p>	<p>Satu panduan penguji akan diberikan. Panduan tersebut mengandungi perincian yang akan disampaikan oleh penguji semasa ujian bertutur berserta dengan input bertulis untuk calon.</p> <p>Calon dibekalkan helaian tugas sendiri yang mengandungi maklumat tentang topik yang perlu dibentangkan.</p>

## **2 KEMAHIRAN MEMBACA**

Membaca ialah aktiviti yang kompleks, bertujuan, dan interaktif. Kemahiran membaca melibatkan pengecaman kod dan menyahkod, memahami makna perkataan, mengenal pasti skrip bahasa, membuat perkaitan dan inferens, mencari jawapan bagi soalan, mengenal pasti teknik penulisan, dan mengenal pasti genre petikan.

Kemahiran membaca juga merangkumi proses memahami penggunaan item leksikal yang tidak diketahui; memahami maklumat yang dinyatakan secara eksplisit dan implisit; menyimpulkan makna; mengenal pasti hubungan dalam ayat dan antara bahagian teks melalui peranti kohesi leksikal; memahami petunjuk dan maklumat utama dalam wacana; dan membezakan idea utama daripada perincian sokongan.

Secara khusus, tugas ujian kemahiran membaca UPBMG bertujuan untuk menguji dan menilai kemampuan serta kecekapan guru untuk memahami teks yang terdiri daripada pelbagai bidang dan genre, yang bersifat ilmiah dan bukan ilmiah.

### **2.1 Subjek/Topik Pengujian**

Isu semasa melibatkan teks ilmiah dan bukan ilmiah yang dapat difahami oleh calon. Antara isu yang akan dikemukakan ialah isu bahasa, budaya, sastera, kewangan, kesihatan awam, alam sekitar, dan pendidikan.

### **2.2 Pengetahuan Latar Belakang**

Isu yang dikemukakan dapat dicapai dengan mudah oleh calon daripada pelbagai sumber seperti internet, buku, risalah, majalah, surat khabar, dan sebagainya.

### **2.3 Kecekapan Linguistik**

Tugas ujian ini melibatkan kecekapan sistem bahasa yang meliputi aspek morfologi, sintaksis, semantik, pragmatik, wacana, dan laras bahasa.

### **2.4 Kerangka Pengujian**

Berdasarkan Khalifa dan Weir (2009) model pemprosesan kognitif dalam kemahiran membaca melibatkan elemen visual, pengecaman kata dan ayat, mentaksir makna ujaran pada peringkat klausa dan ayat, membuat inferens, membina model mental, membina wacana, dan representasi intertekstual. UPBMG juga bertujuan untuk memastikan tahap kecekapan guru Bahasa Melayu disetarakan dengan Tahap 4 sehingga Tahap 6 KSBM.

## 2.5 Format Ujian (Tempoh: 60 minit)

Panjang teks setiap bahagian ujian mengandungi jumlah perkataan yang tersendiri.

**Jadual 1: Format Ujian Kemahiran Membaca**

<b>Bahagian ujian</b>	<b>Panjang teks</b>	<b>Jenis soalan</b>	<b>Nombor dan bilangan soalan</b>
Bahagian I	Satu teks yang terdiri daripada pelbagai bidang dan isu dengan jumlah perkataan antara 400 hingga 500.	Soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D.	1 – 5 (5 soalan)
Bahagian II	(a) Satu teks ilmiah tentang isu semasa dengan jumlah perkataan antara 750 hingga 800.	Soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D.	6 – 13 (8 soalan)
	(b) Satu teks ilmiah tentang isu semasa dengan jumlah perkataan antara 750 hingga 800.	Soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D.	14 – 21 (8 soalan)
Bahagian III	Satu teks bukan ilmiah tentang isu semasa dengan jumlah perkataan antara 850 hingga 900.	Teks <b>tidak</b> lengkap dengan 10 pilihan jawapan A hingga J.	22 – 30 (9 soalan)
<b>Jumlah soalan</b>			<b>30</b>

## 2.6 Spesifikasi Ujian

Tahap KSBM: Tahap 4 hingga Tahap 6

**Jadual 2: Bahagian I – Aneka Pilihan**

Format ujian	Satu teks tentang isu semasa yang diikuti oleh 5 soalan aneka pilihan. Setiap soalan mempunyai empat pilihan jawapan iaitu A, B, C, dan D.
Rubrik Standard	Rubrik standard tugas ini adalah seperti yang berikut: <b>Bahagian I</b> <i>“Baca teks yang berikut... Jawab soalan 1 hingga 5 berdasarkan teks yang berikut.”</i>
Jumlah perkataan	Jumlah perkataan bagi teks ialah antara 450 hingga 500 patah perkataan
Fokus ujian	<ul style="list-style-type: none"><li>• membaca untuk mengenal pasti idea utama dan idea sokongan</li><li>• membaca untuk mengenal pasti fakta dan pendapat daripada sumber untuk menyokong hujahan</li><li>• membaca dan membuat penilaian maklumat dalam teks</li><li>• membaca untuk menjangkakan dapatan</li><li>• membaca untuk mengenal pasti hubungan sebab dan akibat</li></ul>
Jenis teks	Teks yang bersifat khusus bidang yang dipetik daripada makalah, rencana, surat kiriman rasmi, buletin penyelidikan, forum, wawancara, cerpen, novel, dan sebagainya.
Respons	Bagi setiap soalan, pilih jawapan yang betul daripada pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Hitamkan jawapan yang betul pada Borang Jawapan Aneka Pilihan (BJAP).

**Jadual 3: Bahagian II – Aneka Pilihan**

Format ujian	Dua teks ilmiah tentang isu semasa yang diikuti oleh 16 soalan aneka pilihan. Setiap soalan mempunyai empat pilihan jawapan iaitu A, B, C, dan D.
Rubrik Standard	Rubrik standard tugas ini adalah seperti yang berikut: <b>Bahagian II</b> <i>“Baca petikan yang berikut... Jawab soalan 6 hingga 21 berdasarkan petikan yang diberikan.”</i>
Jumlah perkataan	Jumlah perkataan bagi teks antara 750 hingga 800 patah perkataan bagi setiap petikan
Fokus ujian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• membaca untuk mengenal pasti idea utama dan idea sokongan</li> <li>• membaca untuk mengenal pasti fakta dan pendapat daripada sumber untuk menyokong hujahan</li> <li>• membaca untuk menjangkakan dapatan</li> <li>• membaca untuk mengenal pasti hubungan sebab dan akibat</li> <li>• membaca dan menilai maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks</li> <li>• membaca untuk merumuskan pandangan penulis tentang sesuatu isu berdasarkan bukti secara rasional</li> <li>• membaca untuk membuat inferens dan memberikan ulasan secara kritis serta membuat kesimpulan berdasarkan teks</li> </ul>
Jenis teks	Teks ilmiah yang dipetik daripada makalah, rencana, forum, wawancara, buletin penyelidikan, dan sebagainya
Respons	Pilih jawapan yang betul daripada pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D.  Hitamkan jawapan yang betul pada BJAP.

**Jadual 4: Bahagian III – Teks Tidak Lengkap**

Format ujian	Satu teks dengan 9 ruangan kosong, dengan 10 pilihan ayat (A hingga J). Terdapat satu pengganggu daripada 10 pilihan ayat berkenaan.
Rubrik standard	Rubrik standard tugas ini adalah seperti yang berikut: <b>Bahagian III</b> <i>“Baca teks yang berikut... 9 ayat telah dikeluarkan daripada teks. Pilih ayat daripada A hingga J untuk mengisi setiap ruangan kosong. Terdapat satu ayat tambahan yang tidak perlu digunakan.”</i>
Jumlah perkataan	Jumlah perkataan bagi teks antara 850 hingga 900 patah perkataan
Fokus ujian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• membaca untuk mengenal pasti idea utama dan idea sokongan</li> <li>• membaca untuk mengenal pasti fakta dan pendapat daripada sumber untuk menyokong hujahan</li> <li>• membaca untuk menjangkakan dapatan</li> <li>• membaca untuk mengenal pasti hubungan sebab dan akibat</li> <li>• membaca untuk merumuskan pandangan penulis tentang sesuatu isu berdasarkan bukti secara rasional</li> <li>• membaca untuk membuat inferens dan melengkapkan wacana yang diberikan</li> </ul>
Jenis teks	Teks bukan ilmiah yang dipetik daripada makalah, rencana, surat kiriman tidak rasmi, forum, wawancara, cerpen, novel, dan sebagainya
Respons	Pilih ayat yang betul daripada pilihan jawapan A hingga J yang diberikan. Hitamkan jawapan yang betul pada BJAP.

### **3 KEMAHIRAN MENULIS**

Menulis ditafsirkan sebagai satu proses menyampaikan buah fikiran, idea, atau pendapat dengan tepat dan berkesan kepada khalayak atau pembaca (Arshad, 2008). Kemahiran menulis melibatkan tahap literasi yang paling kompleks dan memerlukan proses kognisi yang tinggi (Van de Kopple et al. dalam Baki, 2003). Berdasarkan KSBM (2021), kemahiran menulis merupakan keupayaan untuk menghasilkan wacana yang utuh dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya. Pencapaian kemahiran menulis dikategorikan kepada tiga peringkat, iaitu peringkat asas, pertengahan, dan tinggi. Peringkat asas terbahagi kepada tahap sangat terbatas dan terbatas. Peringkat pertengahan terbahagi kepada tahap memadai dan memuaskan. Peringkat tinggi pula meliputi tahap cekap dan sangat cekap.

Secara khusus, tujuan ujian kemahiran menulis UPBMG adalah untuk menilai keupayaan calon menyampaikan maklumat dalam bentuk penulisan yang melibatkan tema dalam pelbagai bidang; menilai kecekapan calon dalam mentafsir dan menaakul, menganalisis dan merumus idea, menghubungkan kait dan mengorganisasi bahan penulisan; menilai kecekapan calon untuk mengemukakan isi-isi yang relevan, menghuraikan hujah, dan merumuskan hujah dengan matang, lancar, dan berkesan; dan menilai kecekapan calon untuk menghasilkan pelbagai wacana yang utuh dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya.

#### **3.1 Subjek/Topik Pengujian**

Pengujian ini merangkumi dimensi komuniti, negara, dan antarabangsa yang melibatkan tema dalam pelbagai bidang.

#### **3.2 Pengetahuan Latar Belakang**

Calon yang menduduki UPBMG terdiri daripada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu.

#### **3.3 Kompetensi Linguistik**

Calon dapat menghasilkan sebuah wacana yang utuh berdasarkan tema dalam pelbagai bidang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya. Wacana yang dihasilkan perlulah merangkumi penggunaan tatabahasa yang tepat dan mematuhi laras, pragmatik, serta sosiolinguistik bahasa Melayu.

#### **3.4 Kerangka Pengujian**

Kerangka pengujian melibatkan elemen tatabahasa, bahasa berbudaya, laras bahasa, wacana, pelahiran idea, dan aspek mekanis.

- Elemen tatabahasa merangkumi penggunaan kata dan ayat yang betul, sesuai, dan tepat.

- Bahasa berbudaya merangkumi penggunaan bahasa, seperti rujukan hormat, sistem panggilan dan sapaan, serta variasi bahasa yang sesuai mengikut konteks dan situasi.
- Pelahiran idea merangkumi penyampaian keseluruhan idea yang menepati tajuk penulisan.
- Wacana melibatkan pertautan dan kesinambungan idea bagi membentuk wacana yang utuh.
- Laras bahasa melibatkan penggunaan istilah, tema, dan gaya bahasa yang sesuai mengikut bidang.
- Aspek mekanis melibatkan tanda baca dan sistem ejaan.

### 3.5 Format Ujian (Tempoh: 90 minit)

**Jadual 1: Format Ujian Kemahiran Menulis**

Bahagian ujian	Masa	Panjang esei	Markah	Jenis soalan	Bilangan soalan
Tugasan 1	30 minit	200 patah perkataan	30 markah	Respons terhad – Grafik – Ilustrasi – Carta – E-mel – Graf	1 soalan
Tugasan 2	60 minit	450 patah perkataan	70 markah	Respons terbuka – Esei	1 soalan
<b>Jumlah bilangan soalan</b>					<b>2 soalan</b>



### 3.6 Spesifikasi Tugas

Tahap KSBM: Tahap 4 hingga Tahap 6

**Jadual 2: Tugas 1 – Respons Terhadap**

Jenis rangsangan	Respons terhadap
Rubrik standard	<ul style="list-style-type: none"><li>• Calon perlu menjawab satu soalan.</li><li>• Masa dicadangkan untuk menjawab soalan ini ialah 30 minit.</li></ul>
Jumlah perkataan	Panjang esei ialah 200 patah perkataan.
Fokus ujian	Tahap 4 Calon berupaya untuk mengarang bahan penulisan yang kompleks daripada pelbagai bidang dalam bentuk wacana yang utuh dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya.
Respons	Calon dapat menjawab soalan Tugas 1 dengan mematuhi arahan yang ditetapkan.
Fungsi bahasa	Setiap tugas perlu merangkumi fungsi yang berikut: <ol style="list-style-type: none"><li>1. Ekspresi (menyatakan perasaan atau keperluan)<ul style="list-style-type: none"><li>• mengucapkan terima kasih</li><li>• memohon maaf</li><li>• meminta bantuan</li><li>• membuat aduan</li><li>• meminta izin</li><li>• mendapat permohonan</li></ul></li><li>2. Deskripsi (membuat huraian)<ul style="list-style-type: none"><li>• manusia</li><li>• tempat</li><li>• peristiwa</li><li>• situasi</li></ul></li><li>3. Menerangkan maklumat<ul style="list-style-type: none"><li>• andaian</li><li>• ramalan</li><li>• penilaian</li><li>• perbandingan</li><li>• interpretasi</li></ul></li></ol>

**Jadual 3: Tugas 2 – Respons Terbuka**

Jenis rangsangan	Respons terbuka
Tugas 2	Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.
Rubrik standard	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon perlu menjawab satu soalan.</li> <li>• Masa dicadangkan untuk menjawab soalan ini ialah 60 minit.</li> <li>• Esei yang ditulis tidak perlu dimulai dengan pendahuluan dan diakhiri dengan kesimpulan.</li> </ul>
Jumlah perkataan	Panjang esei ialah 450 patah perkataan.
Fokus ujian	<p>Tahap 5</p> <p>Calon berupaya untuk mengarang bahan penulisan yang kompleks daripada pelbagai bidang dalam bentuk wacana yang utuh dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya.</p>
Respons	Calon dapat menjawab soalan Tugas 2 dengan mematuhi arahan yang ditetapkan.
Fungsi bahasa	<p>Setiap tugas perlu merangkumi fungsi yang berikut:</p> <p>1 Deskripsi (membuat huraian)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• manusia</li> <li>• tempat</li> <li>• peristiwa</li> <li>• situasi</li> </ul> <p>2 Menerangkan maklumat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• andaian</li> <li>• ramalan</li> <li>• penilaian</li> <li>• perbandingan</li> <li>• interpretasi</li> </ul>

### 3.7 Struktur Maklum Balas

**Jadual 4: Tugas 1 – Respons Terhad**

Respons calon	Calon diberikan masa untuk menjawab soalan berdasarkan tajuk selama 30 minit.
Bentuk ujian	Bertulis
Laras	Laras bahasa yang digunakan oleh calon berdasarkan tajuk.
Tahap maklum balas	Calon mestilah sekurang-kurangnya menulis dalam kemahiran Tahap 5 hingga Tahap 6 mengikut spesifikasi KSBM.

**Jadual 5: Tugas 2 – Respons Terbuka**

Respons calon	Calon diberikan masa untuk menjawab soalan berdasarkan tajuk selama 60 minit.
Bentuk ujian	Bertulis
Laras	Laras bahasa yang digunakan oleh calon berdasarkan tajuk.
Tahap maklum balas	Calon mestilah sekurang-kurangnya menulis dalam kemahiran Tahap 4 Aras 4 sehingga Tahap 6 Aras 6 mengikut spesifikasi KSBM.

**Jadual 6: Tema Kemahiran Menulis**

Kemahiran ini merangkumi tema yang berikut:

Bil.	Tema	Deskripsi
1	Kesihatan dan Kebersihan	Tema kesihatan dan kebersihan merujuk kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental, dan sosial.
2	Keselamatan	Tema keselamatan merujuk keupayaan melindungi sesuatu daripada bahaya dalam pelbagai persekitaran.
3	Perpaduan	Tema perpaduan merujuk kepentingan hubungan yang berasaskan toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia, komuniti serantau, dan antarabangsa.

<b>Bil.</b>	<b>Tema</b>	<b>Deskripsi</b>
4	Alam Sekitar dan Teknologi Hijau	Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk penjagaan dan pelestarian alam sekitar demi kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuh-tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang.
5	Pertanian, Penternakan, dan Perikanan	Tema pertanian, penternakan, dan perikanan memberikan pendedahan tentang kegiatan bercucuk tanam, berternak, dan menangkap hasil laut secara tradisional dan moden.
6	Pelancongan	Tema pelancongan memperkenalkan pelbagai dimensi industri pelancongan seperti agropelancongan, ekopelancongan, pelancongan sukan, atau pelancongan kesihatan.
7	Sukan dan Rekreasi	Tema sukan dan rekreasi merujuk kegiatan yang memerlukan ketangkasan, kemahiran serta tenaga fizikal untuk kecergasan dan kecerdasan.
8	Perindustrian	Tema perindustrian merujuk perusahaan membuat, menghasilkan dan mengeluarkan barangan ringan dan berat.
9	Kerjaya	Tema kerjaya merujuk profesion atau pekerjaan dalam sesuatu lapangan yang dipilih sebagai cara memperoleh sumber pendapatan.
10	Integriti	Tema integriti merujuk prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi, keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral, etika, dan undang-undang serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum.
11	Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika	Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merujuk citra masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat, seni, dan budaya.
12	Jati diri, Patriotisme, dan Kewarganegaraan	Tema jati diri patriotisme dan kewarganegaraan merujuk penzahiran keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi, dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi negara.
13	Sains, Teknologi, dan Inovasi	Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang sistematik yang boleh diuji dan dibuktikan kebenarannya.

Bil.	Tema	Deskripsi
14	Sejarah dan Warisan	Tema sejarah dan warisan merangkumi unsur warisan seni bina, tinggalan sejarah, seni pertahanan diri, peralatan, makanan, pakaian, dan permainan tradisional.
15	Pendidikan	Tema pendidikan merangkumi cara untuk memperoleh maklumat sebagai sebahagian tugas pembelajaran atau bahan yang dibaca untuk tujuan pendidikan.
16	Bahasa dan Kesusasteraan	Tema bahasa dan kesusasteraan merangkumi pelbagai aspek bahasa dan kesusasteraan Melayu dalam negara.
17	Ekonomi, Keusahawan, dan Pengurusan Kewangan	Tema ekonomi merujuk perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan negara dan pengurusan perdagangan.

**Nota:**

**Calon boleh merujuk Contoh Jawapan yang disediakan di Portal MPM sebagai panduan untuk menjawab soalan kertas 300/3 Kemahiran Menulis.**

## **4 KEMAHIRAN MENDENGAR**

Kemahiran mendengar merupakan komponen kemahiran berbahasa oleh individu untuk menguasai sesuatu bahasa. Kemahiran mendengar secara berkesan akan mewujudkan suasana komunikasi yang baik melalui penyaluran mesej dan akan menghasilkan persefahaman secara optimum antara pengguna bahasa. Dalam hal ini, pengguna bahasa perlu mengetahui keperluan untuk memberikan respons ketika komunikasi berlaku. Kemahiran mendengar berlaku dalam dua bentuk, iaitu kemahiran mendengar sehala dan kemahiran mendengar dua hala.

Secara khusus, ujian kemahiran mendengar UPBMG bertujuan untuk menguji keupayaan calon mendengar pelbagai maklumat dan idea yang kompleks daripada pelbagai bidang dan tema dalam suatu wacana yang utuh yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya untuk menghasilkan wacana baharu dalam konteks kemahiran mendengar.

### **4.1 Subjek/Topik Pengujian**

Subjek pengujian berkaitan dengan isu-isu umum yang mempunyai elemen-elemen ilmu linguistik bahasa Melayu dan budaya Melayu.

### **4.2 Pengetahuan Latar Belakang**


Pengujian ini digunakan bagi mengukur keupayaan kemahiran mendengar calon supaya mereka dapat mempamerkan pengetahuan dan pemahaman sedia ada, khususnya yang berkaitan dengan isu-isu umum dan bidang bahasa Melayu.

### **4.3 Kompetensi Linguistik**

Pengujian ini berkaitan dengan kompetensi calon dalam kemahiran mendengar yang merangkumi aspek fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, dan pragmatik serta wacana bahasa Melayu.

### **4.4 Kerangka Pengujian**

Kerangka pengujian ini diadaptasi daripada Model Pemahaman Mendengar (OECD, 2021) dan Field (2013) seperti di Gambar rajah 1. Dalam model ini, pengukuran kemahiran mendengar bukan sahaja terbatas kepada kemahiran penyahkodan asas, tetapi juga melibatkan kemahiran kognitif aras tinggi. Selain itu, proses pengujian ini mengambil kira pendapat Underwood (1989), iaitu kemahiran mendengar yang hendak diuji perlu melalui proses mendengar yang bersifat fizik dan mendengar secara efektif yang meliputi peringkat kemahiran mendengar tahap pertengahan dan tahap tinggi. Di samping itu, kerangka pengujian ini juga mengadaptasi Kerangka Penilaian Mendengar (Elliot & Wilson, 2013; Geranpayeh & Taylor, 2013).



**Gambar rajah 1: Model Pemahaman Mendengar PISA (OECD, 2021, hal. 48)**

#### 4.5 Format Ujian (Tempoh: 30 minit)

Bahagian ujian	Jenis teks	Anggaran masa	Panjang teks	Jenis soalan	Bil. soalan
1 (6 soalan)	<b>Dialog 1</b> (Soalan 1 – 6) Perbualan yang menggunakan bahasa formal dan tidak formal (2 orang penutur)	<b>4 minit</b> Persediaan membaca soalan: 1 minit Mendengar sambil menjawab soalan: 3 minit	200 – 300 patah perkataan	Aneka pilihan (3 pilihan jawapan)	6
2 (6 soalan)	<b>Dialog 2</b> (Soalan 7 – 12) Perbualan dalam konteks rasmi seperti temu bual, temu duga, wawancara, dan sebagainya (2 orang penutur) Penggunaan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya	<b>5 minit</b> Persediaan membaca soalan: 1 minit Mendengar sambil menjawab soalan: 4 minit	200 – 300 patah perkataan	Aneka pilihan (3 pilihan jawapan)	6

<b>Bahagian ujian</b>	<b>Jenis teks</b>	<b>Anggaran masa</b>	<b>Panjang teks</b>	<b>Jenis soalan</b>	<b>Bil. soalan</b>
3 (6 soalan)	<b>Dialog 3</b> (Soalan 13 – 18) Perbualan dalam konteks rasmi seperti temu bual, temu duga, wawancara, dan sebagainya (3 orang penutur)  Penggunaan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya	<b>7 minit</b> Persediaan membaca soalan: 1 minit  Mendengar sambil menjawab soalan: 6 minit	300 – 400 patah perkataan	Aneka pilihan (3 pilihan jawapan)	6
4 (6 soalan)	<b>Monolog 1</b> (Soalan 19 – 24) Pengucapan awam (1 orang penutur)  Penggunaan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya	<b>7 minit</b> Persediaan membaca soalan: 1 minit  Mendengar sambil menjawab soalan: 6 minit	300 – 400 patah perkataan	Aneka pilihan (3 pilihan jawapan)	6
5 (6 soalan)	<b>Monolog 2</b> (Soalan 25 – 30) Pengucapan awam (2 atau 3 orang penutur)  Penggunaan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya	<b>7 minit</b> Persediaan membaca soalan: 1 minit  Mendengar sambil menjawab soalan: 6 minit	400 – 600 patah perkataan	Aneka pilihan (3 pilihan jawapan)	6
<b>Jumlah</b>	<b>5 teks</b>	<b>30 minit</b>	<b>1400 – 2000 patah perkataan</b>	<b>30 soalan</b>	



## 4.6 Spesifikasi Tugas

**Jadual 3: Bahagian I – Dialog 1, Soalan 1 hingga 6**

Format tugas	Sebuah dialog berserta dengan 6 soalan aneka pilihan. Setiap soalan mempunyai 3 pilihan jawapan.
Masa	Anggaran masa ialah 4 minit
Standard rubrik	<p>Tugas ini mempunyai standard rubrik seperti yang berikut:</p> <p><i>Dengar perbualan dengan teliti. Dialog ini melibatkan dua orang penutur, iaitu ... dan ... .</i></p> <p><i>Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 1 – 6.</i></p> <p><i>Anda diminta untuk menanda jawapan pada borang jawapan aneka pilihan (BJAP) yang disediakan.</i></p>
Panjang teks	200 – 300 patah perkataan
Hubungan penutur – pendengar	Nama penutur dan peranannya dinyatakan.
Fokus ujian	<p>Setiap item menguji aspek kemahiran yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• menganalisis idea tentang sesuatu topik dalam pelbagai bidang yang didengar yang menggunakan pelbagai laras bahasa secara bertatasusila dalam perbincangan</li><li>• menghuraikan idea baharu tentang sesuatu topik berdasarkan teks yang kompleks yang didengar yang menggunakan pelbagai laras bahasa</li><li>• menimbangkan maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li><li>• merumuskan maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li><li>• mentafsir maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li></ul>
Respons	Bagi setiap soalan, pilih jawapan sama ada A, B, atau C. Hitamkan jawapan yang betul pada BJAP.

**Jadual 4: Bahagian II – Dialog 2, Soalan 7 hingga 12**

Format tugas	Sebuah dialog berserta dengan 6 soalan aneka pilihan. Setiap soalan mempunyai 3 pilihan jawapan.
Masa	Anggaran masa ialah 5 minit
Rubrik standard	<p>Tugas ini mempunyai rubrik standard seperti yang berikut:</p> <p><i>Dengar perbualan ini dengan teliti. Perbualan ini melibatkan dua orang penutur, iaitu ... dan ... .</i></p> <p><i>Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 7 – 12.</i></p> <p><i>Anda diminta untuk menanda jawapan pada BJAP yang disediakan.</i></p>
Panjang Teks	200 – 300 patah perkataan
Hubungan penutur – pendengar	Nama penutur dan peranannya dinyatakan.
Fokus ujian	<p>Setiap item menguji aspek kemahiran yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menimbangkan maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang didengar yang menggunakan Bahasa Melayu Tinggi dan berbudaya</li> <li>• mewajarkan maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• merumuskan maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mentafsir maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mengkritik sesuatu idea daripada pelbagai tema dan situasi yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
Respons	Bagi setiap soalan, pilih jawapan sama ada A, B, atau C. Hitamkan jawapan yang betul pada BJAP.

**Jadual 5: Bahagian III – Dialog 3, Soalan 13 hingga 18**

Format tugas	Sebuah dialog berserta dengan 6 soalan aneka pilihan. Setiap soalan mempunyai 3 pilihan jawapan.
Masa	Anggaran masa ialah 7 minit
Rubrik standard	<p>Tugas ini mempunyai rubrik standard seperti yang berikut:</p> <p><i>Dengar perbualan ini dengan teliti. Perbualan ini melibatkan tiga orang penutur, iaitu ..., ..., dan ... .</i></p> <p><i>Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 13– 18.</i></p> <p><i>Anda diminta untuk menanda jawapan pada BJAP yang disediakan.</i></p>
Panjang teks	300 hingga 400 patah perkataan
Hubungan penutur – pendengar	Nama penutur dan peranannya dinyatakan.
Fokus ujian	<p>Setiap item menguji aspek kemahiran yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mewajarkan maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• merumuskan maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mentafsir maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• menaakul sesuatu idea daripada pelbagai tema dan situasi yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
Respons	Bagi setiap soalan, pilih jawapan sama ada A, B, atau C. Hitamkan jawapan yang betul pada BJAP.

**Jadual 6: Bahagian IV – Monolog 1, Soalan 19 hingga 24**

Format tugas	Sebuah monolog berserta dengan 6 soalan aneka pilihan. Setiap soalan mempunyai 3 pilihan jawapan.
Masa	Anggaran masa ialah 7 minit
Standard rubrik	<p>Tugasan ini mempunyai standard rubrik seperti yang berikut:</p> <p><i>Dengar teks ucapan/ ceramah/ taklimat/ kuliah/ pidato/ syarahan/ pengumuman/ iklan/ berita/ hebahan ini dengan teliti. Teks ucapan/ ceramah/ taklimat/ kuliah/ pidato/ syarahan/pengumuman/iklan/berita/hebahan ini merupakan sebahagian daripada...</i></p> <p><i>Semasa mendengar, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 19 – 24.</i></p> <p><i>Anda diminta untuk menanda jawapan pada BJAP yang disediakan.</i></p>
Panjang teks	300 hingga 400 patah perkataan
Hubungan penutur – pendengar	Nama penutur dan peranannya dinyatakan.
Fokus ujian	<p>Setiap item menguji aspek kemahiran yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mewajarkan maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• merumus maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mentafsir maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• menaakul sesuatu idea daripada pelbagai tema dan situasi yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
Respons	Bagi setiap soalan, pilih jawapan sama ada A, B, atau C. Hitamkan jawapan yang betul pada BJAP.

**Jadual 7: Bahagian V – Monolog 2, Soalan 25 hingga 30**

Format tugasan	Sebuah monolog diujarkan oleh 2 atau 3 orang penutur yang berbeza dalam topik yang sama. Setiap soalan mempunyai 3 pilihan jawapan.
Masa	Anggaran masa ialah 7 minit
Rubrik standard	<p>Tugasan ini mempunyai rubrik standard seperti yang berikut:</p> <p><i>Dengar teks ucapan/ ceramah/ taklimat/ kuliah/ pidato/ syarahan/ pengumuman/ iklan/ berita/ hebahan ini dengan teliti. Teks ucapan/ ceramah/ taklimat/ kuliah/ pidato/ syarahan/pengumuman/iklan/berita ini terdiri daripada 2 atau 3 teks yang berbeza. Kandungan teks adalah tentang... .</i></p> <p><i>Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 25 – 30.</i></p> <p><i>Anda diminta untuk menanda jawapan pada BJAP yang disediakan.</i></p>
Panjang Teks	400 hingga 600 patah perkataan
Hubungan penutur – pendengar	Nama penutur dan peranannya dinyatakan.
Fokus ujian	<p>Setiap item menguji aspek kemahiran yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mewajarkan maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mentafsir maklumat daripada sesuatu idea yang kritis dalam pelbagai bahan yang kompleks yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• menaakul sesuatu idea daripada pelbagai tema dan situasi yang didengar yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• mengubah suai pelbagai maklumat dan idea yang kompleks dalam sesuatu wacana yang utuh yang didengari yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• merancang idea baharu daripada pelbagai maklumat dan idea yang kompleks serta pelbagai tema yang didengar dalam sesuatu wacana yang utuh yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> <li>• menghasilkan wacana baharu daripada pelbagai maklumat dan idea yang kompleks serta pelbagai bidang yang didengar dalam pelbagai wacana yang utuh yang mengandungi bahasa Melayu tinggi dan berbudaya</li> </ul>
Respons	Bagi setiap soalan, pilih jawapan sama ada A, B, atau C. Hitamkan jawapan yang betul pada BJAP.

## RUJUKAN

- Arshad, M. (2008). Pendidikan literasi bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan. Utusan Publications.
- Baki, R. (2003). Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu: Senario, teori dan panduan untuk guru dan murid. Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Elliot, M & Wilson, J. (2013). Content validity. Dalam A. Geranpayeh & L. Taylor, (Ed.). Examining listening: Research and practice in accessing second language listening. Cambridge University Press.
- Fan, J. & Yan, X. (2020). Assessing speaking proficiency: A narrative review of speaking assessment research within the argument-based validation framework. *Frontiers in Psychology*, 11(330). <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.00330>
- Field, J. (2013), Cognitive validity. Dalam L. Taylor & A. Geranpayeh (Ed.). Examining listening: Research and practice in assessing second language listening. UCLES/Cambridge University Press.
- Geranpayeh, A., & Taylor, L. (2013). Examining listening: Research and practice. UCLES/Cambridge University Press.
- Kane, M. T. (2006). Validation. Dalam R. N. Brennan (Ed.), *Educational Measurement* (Edisi ke-4, hal. 17–64). American Council on Education.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018a). Kerangka Standard Bahasa Melayu.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). Panduan penggunaan Kerangka Standard Bahasa Melayu.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Modul penataran: Kerangka Standard Bahasa Melayu.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Kerangka Standard Bahasa Melayu (Edisi kedua) (dalam penerbitan).
- Khalifa, H., & Weir, C. J. (2009). Examining reading: Research and practice in assessing second language reading. Cambridge: UCLES Cambridge University Press.
- Organization for Economic Cooperation and Development. (2021). PISA 2025 Foreign Language Assessment Framework. PISA, OECD Publishing.
- Underwood, M. (1989). Teaching listening. Longman Ltd.

# ***SOALAN CONTOH***

SULIT\*

# SOALAN CONTOH

300/1(A)

UPBMG

## UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG)

### KEMAHIRAN BERTUTUR (30 minit)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian I dan Bahagian II.*

*Jawab semua soalan dalam Bahagian I dan Bahagian II.*

*Anda boleh membuat catatan pada kertas yang dibekalkan. Anda tidak dibenarkan untuk menulis atau membuat catatan pada kertas soalan kerana kertas soalan ini akan digunakan oleh kumpulan calon yang lain untuk sesi peperiksaan yang sama.*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2022

UPBMG 2022 - 300/1(A)

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT\*]



**SULIT\***

## **Calon A**

### **Bahagian I – Pembentangan Individu**

- *Anda diberikan masa selama 1 minit untuk bersedia.*
- *Anda diberikan masa selama 2 minit untuk menjawab soalan.*

#### **Tugasan**

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Bincangkan.

#### **Calon A**

Ulaskan cara teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat merangsang kreativiti guru.

**SULIT\***

## **Calon A**

### **Bahagian II – Perbincangan Kumpulan**

- *Anda diberikan masa 2 minit untuk bersedia.*
- *Dalam perbincangan, anda boleh berinteraksi antara satu sama lain dalam memberikan idea masing-masing.*
- *Pada penghujung perbincangan, anda diberikan peluang untuk merumuskan tajuk perbincangan berdasarkan pengetahuan masing-masing.*
- *Anda diberikan 16 minit untuk perbincangan kumpulan. Dalam sesi ini, anda diperuntukkan masa selama 4 minit seorang untuk menyampaikan pandangan masing-masing.*

#### **Tugasan**

Bincangkan langkah bagi mengantarabangsakan bahasa Melayu di persada dunia.

**HALAMAN KOSONG**

SULIT\*

# SOALAN CONTOH

300/1(B)

UPBMG

## UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG)

KEMAHIRAN BERTUTUR  
(30 minit)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Buku soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian I dan Bahagian II.*

*Jawab semua soalan dalam Bahagian I dan Bahagian II.*

*Anda boleh membuat catatan pada kertas yang dibekalkan. Anda tidak dibenarkan untuk menulis atau membuat catatan pada kertas soalan kerana kertas soalan ini akan digunakan oleh kumpulan calon yang lain untuk sesi peperiksaan yang sama.*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2022

UPBMG 2022 - 300/1(B)

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat halaman sebelah

SULIT\*

**SULIT\***

## **Calon B**

### **Bahagian I – Pembentangan Individu**

- *Anda diberikan masa selama 1 minit untuk bersedia.*
- *Anda diberikan masa selama 2 minit untuk menjawab soalan.*

#### **Tugasan**

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Bincangkan.

#### **Calon B**

Ulaskan cara teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat meningkatkan motivasi guru.

**SULIT\***

## **Calon B**

### **Bahagian II – Perbincangan Kumpulan**

- *Anda diberikan masa 2 minit untuk bersedia.*
- *Dalam perbincangan, anda boleh berinteraksi antara satu sama lain dalam memberikan idea masing-masing.*
- *Pada penghujung perbincangan, anda diberikan peluang untuk merumuskan tajuk perbincangan berdasarkan pengetahuan masing-masing.*
- *Anda diberikan 16 minit untuk perbincangan kumpulan. Dalam sesi ini, anda diperuntukkan masa selama 4 minit seorang untuk menyampaikan pandangan masing-masing.*

#### **Tugasan**

Bincangkan langkah bagi mengantarabangsakan bahasa Melayu di persada dunia.

**HALAMAN KOSONG**

SULIT\*

# SOALAN CONTOH

300/1(C)

UPBMG

## UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG)

### KEMAHIRAN BERTUTUR (30 minit)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Buku soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian I dan Bahagian II.*

*Jawab semua soalan dalam Bahagian I dan Bahagian II.*

*Anda boleh membuat catatan pada kertas yang dibekalkan. Anda tidak dibenarkan untuk menulis atau membuat catatan pada kertas soalan kerana kertas soalan ini akan digunakan oleh kumpulan calon yang lain untuk sesi peperiksaan yang sama.*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2022

UPBMG 2022 - 300/1(C)

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT\*



**SULIT\***

## **Calon C**

### **Bahagian 1 – Pembentangan Individu**

- *Anda diberikan masa selama 1 minit untuk bersedia.*
- *Anda diberikan masa selama 2 minit untuk menjawab soalan.*

#### **Tugasan**

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Bincangkan.

#### **Calon C**

Ulaskan cara teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat mempercepat proses pencarian maklumat guru.

**SULIT\***

## **Calon C**

### **Bahagian II – Perbincangan Kumpulan**

- *Anda diberikan masa 2 minit untuk bersedia.*
- *Dalam perbincangan, anda boleh berinteraksi antara satu sama lain dalam memberikan idea masing-masing.*
- *Pada penghujung perbincangan, anda diberikan peluang untuk merumuskan tajuk perbincangan berdasarkan pengetahuan masing-masing.*
- *Anda diberikan 16 minit untuk perbincangan kumpulan. Dalam sesi ini, anda diperuntukkan masa selama 4 minit seorang untuk menyampaikan pandangan masing-masing.*

### **Tugasan**

Bincangkan langkah bagi mengantarabangsakan bahasa Melayu di persada dunia.

**HALAMAN KOSONG**

SULIT\*

# SOALAN CONTOH

300/1(D)

UPBMG

## UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG)

KEMAHIRAN BERTUTUR  
(30 minit)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Buku soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian I dan Bahagian II.*

*Jawab semua soalan dalam Bahagian I dan Bahagian II.*

*Anda boleh membuat catatan pada kertas yang dibekalkan. Anda tidak dibenarkan untuk menulis atau membuat catatan pada kertas soalan kerana kertas soalan ini akan digunakan oleh kumpulan calon yang lain untuk sesi peperiksaan yang sama.*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2022

UPBMG 2022 - 300/1(D)

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT\*

**SULIT\***

## **Calon D**

### **Bahagian I – Pembentangan Individu**

- *Anda diberikan masa selama 1 minit untuk bersedia.*
- *Anda diberikan masa selama 2 minit untuk menjawab soalan.*

#### **Tugasan**

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Bincangkan.

#### **Calon D**

Ulaskan cara teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat membantu untuk membentuk gaya pemikiran guru.

**SULIT\***

## **Calon D**

### **Bahagian II – Perbincangan Kumpulan**

- *Anda diberikan masa 2 minit untuk bersedia.*
- *Dalam perbincangan, anda boleh berinteraksi antara satu sama lain dalam memberikan idea masing-masing.*
- *Pada penghujung perbincangan, anda diberikan peluang untuk merumuskan tajuk perbincangan berdasarkan pengetahuan masing-masing.*
- *Anda diberikan 16 minit untuk perbincangan kumpulan. Dalam sesi ini, anda diperuntukkan masa selama 4 minit seorang untuk menyampaikan pandangan masing-masing.*

### **Tugasan**

Bincangkan langkah bagi mengantarabangsakan bahasa Melayu di persada dunia.

**HALAMAN KOSONG**

SULIT\*

# SOALAN CONTOH

300/2

UPBMG

## UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG)

### KEMAHIRAN MEMBACA (60 minit)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas soalan ini terdiri daripada 30 soalan yang terbahagi kepada **tiga** bahagian, iaitu Bahagian I, Bahagian II, dan Bahagian III.*

*Jawab **semua** soalan.*

*Pilih jawapan yang betul bagi setiap soalan.*

*Tandakan jawapan yang betul pada borang jawapan aneka pilihan yang dibekalkan.*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada    halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2022

UPBMG 2022 - 300/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**[Lihat halaman sebelah**

**SULIT\***



SULIT\*

## Bahagian I

### Petikan 1 – Rencana

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan 1 hingga soalan 5.

- 1 Tanggal 20 hari bulan Ogos setiap tahun, masyarakat dunia meraikan Hari Nyamuk Sedunia bagi memperingati Dr Sir Ronald Ross yang menemui nyamuk *aedes* betina penyebab malaria pada tahun 1897. Serentak dengan itu, pelbagai kempen memerangi serangga ini diadakan. Nama seperti *Aedes Aegypti*, *Aedes Albopictus*, *Culex Fatigans*, *Anopheles Quadrimaculatus*, dan *Anopheles Freeborni* mungkin tidak asing bagi masyarakat kerana kelima-lima jenis nyamuk ini paling berbahaya di dunia. Nyamuk penyebab utama demam denggi, denggi berdarah, *Chikungunya*, demam kuning, dan *Zika*. Manakala *Culex Fatigans* pula menyebabkan penyakit *Filariasis* atau kaki gajah kerana terdapat cacing *Wuchereria Bancrofti* di dalam darah pesakit. 5
- 2 Denggi menjangkiti orang dewasa dan kanak-kanak kerana gigitan nyamuk *aedes*. Pesakit menderita kira-kira 10 hari dan kadangkala pesakit mengambil masa yang lebih lama untuk sembuh sepenuhnya. Kebanyakan pesakit dijangkiti demam denggi, denggi berdarah, dan *Chikungunya* kerana dua jenis nyamuk ini, iaitu *Aedes Aegypti* dan *Aedes Albopictus* banyak di negara kita. 10
- 3 Menurut Pakar Parasitologi dan Entomologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr. Hidayatul Fathi Othman, penduduk berasa tidak terancam oleh denggi atau *Chikungunya* dan *Zika* kerana mereka beranggapan bahawa penyakit berkenaan tidak akan menjangkiti mereka. Mereka juga tidak menyedari bahawa nyamuk, terutama *Aedes Aegypti* mudah membiak di dalam rumah seperti di dalam kolah, di dalam pelapik peti ais, dan di dalam pasu bunga hiasan. Di luar rumah pula, *Aedes Albopictus* membiak di taman dan di kebun. 15 20
- 4 Statistik Kementerian Kesihatan mengenai demam denggi sehingga 14 Julai lalu menunjukkan jumlah kumulatif sebanyak 36191 kes bagi seluruh negara yang membabitkan 59 kematian. Pada minggu ke-28 tahun ini, 1872 kes dicatat dibandingkan dengan 1884 kes pada minggu sebelumnya. Walaupun ada sedikit penurunan, bilangan kes ini masih membimbangkan. Enam negeri mencatat peningkatan kes denggi, iaitu Selangor dengan 27 kes, Kuala Lumpur dan Putrajaya (17 kes), Labuan dan Pahang (8 kes), serta Johor (1 kes). Perkara tersebut berlaku kerana sikap manusia sendiri yang tidak mahu mengutamakan kebersihan dalam kehidupan seharian. Negara kita sudah maju tetapi pemikiran masyarakat masih mundur. Hal ini menjadi semakin parah apabila orang bandar suka menggunakan bekas pakai buang yang secara tidak langsung telah menyediakan tempat pembiakan nyamuk jika bekas tersebut tidak diuruskan dengan betul. 25 30
- 5 Selain itu, penutup botol air mineral juga boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk *aedes* dan semakin besar bekas yang terbuang, maka semakin mudahlah nyamuk tersebut membiak. Seperkara lagi ialah semburan asap beracun atau pengabusan bukanlah penyelesaian masalah *aedes* kerana pengabusan ini hanya bertujuan untuk kecemasan, bukannya untuk pengawalan sebenar. 35

UPBMG 2022 - 300/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat halaman sebelah

SULIT\*

**SULIT\***

- 6 Masalah lain ialah masyarakat enggan bekerjasama apabila pihak berkuasa ingin melakukan pengabusan. Pelbagai alasan diberikan untuk tidak membenarkan pengabusan dibuat kerana masing-masing malas untuk mengemas rumah sebelum dan selepas proses pengabusan dilakukan. Dahulu, bahan semburan sememangnya berasaskan minyak tetapi sekarang, rata-ratanya berasaskan air. Jika semburan berasaskan minyak, ia memang mengotorkan seluruh rumah dan seluruh rumah perlu dibersihkan. Walau bagaimanapun, bahan semburan sekarang tidak lagi berasaskan minyak. Oleh itu, jalan penyelesaian bagi menangani kes denggi ialah masyarakat perlu membersihkan rumah masing-masing, mencari dan memusnahkan tempat pembiakan *aedes* seperti yang disarankan oleh pihak berkuasa. Malangnya, mesej ini kurang difahami oleh masyarakat kerana budaya mengharap orang lain untuk menguruskan sesuatu masalah sudah sebatu dalam jiwa mereka. 40  
45  
50

(Disesuaikan daripada rencana pengarang, *Berita Harian*, 21 Ogos 2018)

- 1 Kelima-lima jenis nyamuk yang dinyatakan dalam petikan di atas paling berbahaya di dunia kerana nyamuk ini
- A menyebabkan penyakit kaki gajah
  - B menjadi penyebab penyakit malaria
  - C menyebabkan penyakit dalam darah
  - D menjadi penyebab utama demam denggi
- 2 Yang manakah faktor demam denggi?
- A Masyarakat tidak memahami pembiakan nyamuk *aedes*.
  - B Masyarakat mengambil berat tentang pembiakan nyamuk *aedes*.
  - C Masyarakat bersikap tidak acuh terhadap bahaya nyamuk *aedes*.
  - D Masyarakat menjaga kebersihan kawasan pembiakan nyamuk *aedes*.
- 3 Penulis berpendapat bahawa keenam-enam negeri menunjukkan peningkatan kes demam denggi kerana masyarakatnya
- A tidak mahu mengotorkan seluruh rumah
  - B kurang menitikberatkan aspek kebersihan
  - C tidak mahu bekerjasama dengan pihak berkuasa
  - D banyak menggunakan bekas makanan pakai buang
- 4 Semburan asap beracun atau pengabusan kurang berkesan untuk menangani demam denggi kerana tindakan itu
- A sesuai untuk mengawal pembiakan nyamuk *aedes* dalam jangka panjang
  - B dapat mengawal pembiakan nyamuk *aedes* di dalam rumah dan di luar rumah
  - C dapat mengawal keadaan apabila masalah demam denggi semakin meningkat
  - D sesuai untuk penyelesaian yang mendesak dan bukannya kawalan yang sebenar

**SULIT\***

5 Berdasarkan pendapat penulis, jalan penyelesaian bagi menangani kes denggi tidak berkesan kerana

- A masyarakat tidak memahami masalah tersebut
- B masalah tersebut sudah menjadi serius untuk diatasi
- C masyarakat yang terlalu bergantung pada pihak lain
- D masalah tersebut sudah sebatikan dalam jiwa masyarakat

**SULIT\***

## **Bahagian II**

### **Petikan 1**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan 6 hingga soalan 13.*

- 1 Setiap tahun, apabila muncul tahun baharu, kita akan melihat ramalan demi ramalan tentang trend pasaran pelancongan. Persis ramalan kaji cuaca, ada kalanya ramalan itu tepat, namun ada ketikanya jauh tersasar. Namun demikian, apa-apa juga yang berlaku, ia tetap memberikan kesan kepada seluruh khalayak pelancongan sama ada kesan positif atau sebaliknya. Kita semua sedia maklum bahawa selepas sekian lama dunia dilanda pandemik COVID-19, trend pelancongan turut berubah. 5
- 2 Industri pelancongan yang lebih menjurus soal nilai dan prinsip akan memberikan sumbangan ke arah masa depan industri pelancongan lebih baik dan mampan. Pada peringkat global, *United Nations World Tourism Organisation* (UNWTO) meramalkan pemulihan sektor pelancongan dijangkakan akan berlaku pada tahap 60 peratus tahun ini dan pulih sepenuhnya pada tahun depan. Pandemik yang berlaku sepanjang tahun 2020 hingga tahun 2021 banyak memberikan pengajaran kepada sektor pelancongan negara, khususnya dalam pengurusan krisis dan komunikasi. 10
- 3 Tempoh dua tahun kemarau dalam sektor pelancongan sudah cukup memberikan tamparan hebat kepada negara. Ada hotel ditutup, agensi pelancongan gulung tikar, restoran dilelong, dan ramai pekerja yang hilang mata pencarian. Umumnya, lebih 4 juta individu yang bergantung harap pada sektor pelancongan terjejas akibat pandemik ini. Di sebalik kesusahan ada kesenangan. Begitu jugalah yang kita harapkan dalam konteks sektor pelancongan di negara ini. Kita mengharapkan sinar di hujung terowong semakin cerah pada tahun ini dan tahun seterusnya. Umpama gergasi baru bangun daripada tidur, industri pelancongan diharapkan kembali bangkit dan melangkah gagah. 15  
20
- 4 Yang pasti, kita tetap pergi melancong. Walau bagaimanapun, cara melancong mungkin akan mengalami transformasi dramatik, lebih-lebih lagi kebanyakan negara kini mula mengalu-alukan pelancong yang lengkap vaksinasi, menjalani ujian saringan dan arahan kuarantin, walaupun pada masa sama, peraturan itu masih berbeza bagi setiap negara atau destinasi. Selepas pintu sempadan mula dibuka kepada pelancong, kita dapat melihat trend pelancong lebih cenderung untuk memilih destinasi yang menawarkan pengalaman percutian yang menarik dan unik. Destinasi percutian berasaskan alam semula jadi lebih menyegarkan dengan penjarakan fizikal akan menjadi pilihan utama mereka. Pengembara akan mencari ‘permata tersembunyi’, destinasi impian yang menawarkan peluang untuk aktiviti yang berfokuskan hobi, seperti mendaki, fotografi atau berkayak. 25  
30
- 5 Aktiviti pelancongan pascapandemik juga dijangkakan akan lebih meriah apabila ramai pengembara ingin berhubung semula dengan orang tersayang setelah lama terputus hubungan kerana perintah kawalan pergerakan. Menyentuh soal penginapan, kebersihan, dan keselamatan ialah satu kemestian yang diutamakan pelancong. Oleh itu, penyedia perkhidmatan penginapan dan pusat peranginan perlu mengutamakan protokol dan prosedur operasi standard (SOP) untuk menyakinkan pelancong dengan program pembersihan, kesihatan, dan pengalaman percutian mesra alam. Sebagai nilai tambah kepada pelancong, pengurusan hotel boleh menampilkan unit yang menyediakan ruang dan privasi tambahan, berserta dengan khidmat pembersihan profesional, dan sokongan pelanggan yang lebih mesra tetamu. Syarikat pelancongan bukan sahaja harus menyerlahkan inisiatif keselamatan mereka sendiri, malahan harus menawarkan pakej 35  
40

**UPBMG 2022 - 300/2**

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**[Lihat halaman sebelah**

**SULIT\***

## SULIT\*

atau produk pelancongan dengan mengutamakan kesihatan awam.

- 6 Tidak boleh dinafikan bahawa peranan teknologi dalam pelancongan akan terus berkembang dengan pesat pada tahun ini dan tahun seterusnya. Daripada passport vaksin digital hingga pemberitahuan maklumat perjalanan, penyelesaian teknologi akan berperanan penting dalam memastikan orang ramai mendapat maklumat dan memberikan panduan dalam merancang aktiviti pelancongan. Teknologi menjadi alat utama dalam menghidupkan kembali pelancongan seperti penggunaan aplikasi tempahan hotel dan penerbangan, tempahan pengangkutan darat atau feri, dan tempahan tiket tempat-tempat menarik yang ingin dikunjungi. Hal ini selaras dengan usaha untuk membataskan hubungan fizikal dan sentuhan fizikal. Teknologi tanpa sentuh bakal menjadi trend aktif tahun mendatang dan syarikat pelancongan perlu mencari jalan untuk memberikan bimbingan yang lebih banyak dan sokongan peribadi kepada pelanggan mereka untuk melalui pengalaman digital dalam sektor ini. Pada masa yang sama, hotel, syarikat penerbangan, dan pengusaha produk pelancongan harus mencari satu mekanisme yang terbaik bagi memastikan pelancong selesa dan yakin dengan perkhidmatan yang ditawarkan. 45 50 55
- 7 Ruang peribadi pelancong dalam usaha menjarakkan fizikal juga mesti diambil kira bagi memastikan pelanggan mereka yakin dengan keselamatan dan kesihatan. Persoalannya ialah apakah semua perancangan dan ramalan ini bakal menjadi kenyataan? Terdapat juga andaian bahawa sektor pelancongan akan terus ‘gelap’ dengan kemunculan pelbagai isu terbaru yang bakal menggugat sektor pelancongan. Kemunculan varian COVID-19, seperti Delta dan Omicron yang kian hangat diperkatakan memberikan ancaman baharu kepada perkembangan sektor pelancongan. Bagaimanapun, dengan adanya pengalaman mengharungi detik sukar ketika pandemik sebelum ini, kita yakin cabaran ini akan dapat dijadikan sebagai peluang untuk kita merancang masa depan dengan lebih baik dalam sektor pelancongan. Buat penggiat dan pengusaha pelancongan yang masih lagi bertahan dalam sektor mencabar ini, tahniah kita ucapkan. 60 65 70
- 8 Andalah ‘wira’ yang tidak didendangkan dalam memastikan kesinambungan industri pelancongan negara. Semoga tahun ini menjadi titik permulaan untuk kebangkitan semula industri pelancongan dunia.

(Disesuaikan daripada *Mencari Kaedah Terbaik Untuk Merancang Sektor Pelancongan Semula*, BH online Datuk Azlie Halim – Januari 3, 2022 @ 10:00am)

- 6 Apakah jenis industri pelancongan yang akan memberikan sumbangan terhadap masa depan industri pelancongan yang lebih baik dan mampan?
- A Industri pelancongan yang lebih menjurus pada soal nilai dan prinsip produk pelancongan.
  - B Industri pelancongan yang lebih menjurus pada percutian berasaskan alam semula jadi.
  - C Industri pelancongan yang lebih menjurus pada protokol dan prosedur operasi standard (SOP).
  - D Industri pelancongan yang lebih menjurus pada produk pelancongan yang mengutamakan kesihatan awam.

**SULIT\***

- 7 Mengapakah cara melancong akan mengalami transformasi dramatik?
- A Cara melancong akan mengalami transformasi dramatik kerana setiap negara menetapkan peraturan yang berbeza.
  - B Cara melancong akan mengalami transformasi dramatik kerana setiap negara masih perlu mengekang penularan COVID-19.
  - C Cara melancong akan mengalami transformasi dramatik kerana pelancong perlu menjalani ujian saringan dan arahan kuarantin.
  - D Cara melancong akan mengalami transformasi dramatik kerana kebanyakan negara hanya mengalu-alukan pelancong yang lengkap menerima vaksin.
- 8 Apakah destinasi percutian yang akan menjadi pilihan utama pelancong?
- A Destinasi percutian yang menawarkan produk percutian dengan ruang dan privasi tambahan.
  - B Destinasi percutian yang menawarkan produk percutian dengan aktiviti mendaki dan fotografi.
  - C Destinasi percutian yang menawarkan produk percutian yang berasaskan alam semula jadi yang menyegarkan.
  - D Destinasi percutian yang menawarkan produk percutian berasaskan alam semula jadi dengan penjarakan fizikal.
- 9 Mengapakah soal penginapan, kebersihan, dan keselamatan ialah satu kemestian yang diutamakan pelancong?
- A Pelancong mahu mengawal penularan COVID-19.
  - B Pelancong mahu mengelakkan jangkitan COVID-19.
  - C Pelancong mahu akan keselesaan dan ruang kebersendirian.
  - D Pelancong perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP).
- 10 Pengurusan hotel perlu mewujudkan nilai tambah kepada pelancong untuk
- A memberikan perkhidmatan yang lebih mesra tetamu
  - B menarik pelancong dengan pakej atau produk pelancongan
  - C memberikan ruang dan privasi tambahan kepada pelancong
  - D menarik pelancong datang melancong dan menginap di hotel
- 11 Apakah sebab teknologi dalam pelancongan akan terus berkembang pada masa akan datang?
- A Teknologi dapat membantu pelancong merancang aktiviti pelancongan.
  - B Teknologi dapat memudahkan pelancong mencari maklumat perjalanan.
  - C Teknologi tanpa sentuh bakal menjadi trend aktif bagi membataskan hubungan fizikal dan sentuhan fizikal.
  - D Teknologi dapat menjimatkan masa pelancong dalam menguruskan hal tempahan hotel dan penerbangan tanpa sentuh.

**SULIT\***

**12** Negara kita dapat merancang masa depan dengan lebih baik dalam sektor pelancongan dengan adanya ancaman varian COVID-19, seperti Delta dan Omicron dengan

- A** berbekalkan pengalaman mengharungi detik sukar ketika pandemik sebelum ini
- B** menawarkan pakej atau produk pelancongan yang mengutamakan kesihatan awam
- C** mewujudkan satu mekanisme yang terbaik bagi memastikan pelancong selesa dan yakin dengan perkhidmatan yang ditawarkan
- D** menyediakan perkhidmatan penginapan dan pusat peranginan yang mengutamakan protokol dan prosedur operasi standard (SOP)

**13** Apakah maksud penulis tentang “Andalah wira yang tidak didendangkan dalam memastikan kesinambungan industri pelancongan negara.”?

- A** Para pelanconglah yang harus bertindak untuk memastikan kelestarian industri pelancongan negara.
- B** Para pelanconglah yang harus membantu negara kita untuk meningkatkan industri pelancongan negara.
- C** Para pengusaha pelanconganlah yang harus menawarkan perkhidmatan yang selesa dan meyakinkan pelancong.
- D** Para pengusaha pelanconganlah yang menjadi pemain utama dalam memastikan kesinambungan industri pelancongan negara.

**SULIT\***

**Petikan 2**

Baca petikan berikut dan jawab soalan 14 hingga soalan 21.

- 1 Bahasa umpama pakaian fizikal dan budi bahasa sesuatu bangsa kerana bahasa merupakan *wahana* yang paling berkesan dalam sesebuah komuniti. Sesuatu bangsa dikenali menerusi gaya, langgam, dan lenggok bahasa yang digunakan. Penggunaan bahasa dapat diperhatikan, diteliti, dan dihakimi dengan mata kasar oleh lingkungan masyarakat di sekelilingnya. Bahasa yang diujarkan oleh seseorang dapat mencerminkan dan mencitrakan kehemahan serta dapat menyingkap dasar keperibadian dan kehalusan budi bicara seseorang. 5
- 2 Hashim Ahmad (2016) dalam makalah yang bertajuk "Bahasa Menggambarkan Peribadi" menegaskan bahawa bahasa diucapkan oleh seseorang itu yang biasanya menggambarkan latar akhlak masyarakat asalnya kerana bahasa merupakan warisan bangsa. Pandangan ini merupakan suatu representasi bahawa sebelum mengujarkan atau menyatakan sesuatu, unsur bahasa yang sewajarnya dipilih agar tepat, sesuai, dan betul penggunaannya mengikut konteks. Ujaran atau pertuturan yang dizahirkan oleh seseorang itu mencerminkan keperibadian dan adabnya dalam berbahasa. Oleh itu, kesantunan menerusi percakapan, perilaku, dan adab dalam berkomunikasi sewajarnya dipelihara dan tidak boleh dipandang remeh. 10 15
- 3 Sehubungan dengan itu, dunia pada hari ini semakin canggih. Komunikasi bukan hanya berlaku secara fizikal dan kemunculan laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, dan *MySpace* membolehkan manusia berkomunikasi secara maya tanpa mengira jarak, ruang dan waktu. Perkongsian melalui laman sosial melibatkan penyampaian berita, hiburan, drama, maklumat, pendapat, foto, pautan laman lain, pautan artikel, klip video, dan sebagainya. Elemen seperti penulisan, percakapan, visual, data, muzik, dan bunyi digabungkan dan menyebabkan komunikasi menjadi semakin rancak. Walau bagaimanapun, media sosial yang menjadi saluran penyampaian maklumat sudah berubah fungsinya menjadi medan untuk meluahkan emosi, memaki, dan menghina seolah-olah medan perang komunikasi sehingga menimbulkan pelbagai isu. 20 25
- 4 Umum menyedari bahawa isu kesantunan bahasa belum bernoktah. Isu ini masih menjadi hangat dan sering menimbulkan konflik apabila ada pihak yang tergores perasaannya dan tercalar maruahannya. Sajian pelbagai maklumat dalam media sosial semakin rancak dengan pelbagai isu yang tidak sewajarnya berlaku. Media sosial menjadi medan penyebaran fitnah, medium untuk melontarkan kata-kata yang kesat, tuduh-menuduh sehingga sampai kepada bentuk gurauan yang menyentuh sensitiviti pihak lain. 30
- 5 Kesantunan dan sensitiviti amat erat hubung kaitnya. Perkara yang santun sinonim dengan sensitiviti. Cameroon (2007) menyatakan bahawa walaupun komunikasi berlaku di laman sosial, aspek kesantunan tetap dipentingkan semasa berinteraksi bertujuan untuk menyelesaikan orang lain, mengambil kira bukan sahaja situasi sosial bahkan kepentingan dan sensitiviti mereka. Walau bagaimanapun, dalam situasi semasa, perkara yang berlaku adalah sebaliknya kerana pengguna media sosial seolah-olah meminggirkan aspek kesantunan bahasa sehingga menyentuh sensitiviti pihak sasaran. 35



**SULIT\***

- 6 Kesantunan amat signifikan dalam berkomunikasi sama ada secara formal atau sebaliknya. Kesantunan dimanifestasikan menerusi pelbagai aspek seperti adab, keperibadian, dan sikap. Beberapa pakar berpendapat bahawa sikap terdiri daripada tiga komponen, iaitu komponen kognitif, afektif, dan tingkah laku. Komponen kognitif merujuk kepercayaan atau keyakinan yang menjadi pegangan seseorang. Gahagan (1980), Sears et. al (1988), dan Sherwood & Wagner (1969) menjelaskan bahawa komponen afektif ialah perasaan yang dimiliki oleh seseorang terhadap sesuatu objek. Komponen tingkah laku pula ialah kecenderungan untuk mempamerkan tingkah laku dengan cara tertentu terhadap sesuatu objek. 40 45
- 7 Sikap individu, norma, dan nilai yang dipegang oleh seseorang secara tidak langsung akan mempamerkan sahsiah dan keperibadian mereka sama ada baik atau tidak merupakan sifat dan sikap seseorang yang dilihat dari segi eksternal dan internal. Sahsia mencerminkan keperibadian yang dipamerkan melalui perwatakan, percakapan, dan perilaku yang baik. Impaknya, ketiga-tiga komponen ini menjadi pengawal kepada sikap seseorang dalam berkomunikasi. Apabila ketiga-tiga komponen ini dikombinasikan dan diseraskan dalam komunikasi, maka komunikasi tersebut akan menjadi santun dan individu akan lebih sensitif tentang situasi, persekitaran, lingkungan, budaya, dan aspek kehidupan masyarakat di sekelilingnya. 50 55
- 8 Sensitiviti berasal daripada akar kata “sensitive”. Sensitif dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* bermaksud keadaan sensitif, kepekaan mudah (lekas) merasa sesuatu, lekas bergerak balas (memberikan reaksi) terhadap sesuatu rangsangan, peka dan mudah tersinggung (perasaan, peribadi). Dalam makalah ini, penulis mengutarakan isu sensitif yang berlaku dalam media sosial. Isu yang dibincangkan berkaitan dengan gurauan tidak sengaja oleh *YouTuber* terkenal di media sosial. Isu ini bertitik tolak daripada gurauan si suami berbentuk penghinaan terhadap pakaian tradisional kaum Iban di Sarawak yang dipakai oleh si isteri. Individu terbabit menyamakan aksesori dan material busana tersebut seperti kain meja, alas TV tahun 1970-an, kain buruk, langsir, tikar, dan tali pinggang pengakap. Tindakan menyamakan aksesori pakaian tradisional tersebut dengan perkara-perkara yang tidak sepatutnya dianggap melampaui batas. Penggunaan beberapa kosa kata itu menonjolkan kecitraan penggunaan bahasa yang tidak santun dalam komunikasi. 60 65
- 9 Dalam konteks gurauan ini, si isteri yang merupakan warga asing ada memberikan maklum balas dengan mengatakan buatan sendiri ketika si suami memperlekeh aksesori busana yang dipakainya. Situasi ini menzahirkan bahawa si isteri sedar bahawa pakaian tersebut bernilai tinggi kerana aksesori busana yang dibuat itu menggunakan tangan merupakan sesuatu yang unik jika dibandingkan dengan pakaian yang dibuat oleh mesin. Sikap tidak sensitif itu menyebabkan si suami berterusan memperlekeh busana yang dipakai oleh isterinya sehingga tidak sedar mengujarkan kata-kata yang berbentuk penghinaan terhadap aksesori pakaian tradisional Iban tersebut. Gurauan tidak cerdas inilah yang mencetuskan kemarahan netizen di laman sosial sehingga menuntut pelaku memohon maaf. Tindakan merendah diri dengan memohon maaf akhirnya dapat meredakan ketegangan dan kemarahan netizen. Individu terbabit sedar bahawa gurauan tidak cerdasnya telah membangkitkan kemarahan masyarakat Iban dan netizen kerana pakaian tradisional merupakan seni warisan budaya sesuatu masyarakat yang tidak wajar diperlekehkan. 70 75

**SULIT\***

- 10 Kelazimannya, sudah terhantuk baru tengadah, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Gurauan ini bukan sahaja mencetuskan kemarahan, malah menggugat sensitiviti sesuatu kaum. Ujaran yang keluar daripada mulut kita umpama sebutir bom yang boleh menyebabkan letupan sehingga mencederakan orang lain. Sebagai ahli masyarakat, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dengan mengambil kira sensitiviti pihak lain sebelum mengujarkan patah-patah kata. 80

(Sumber: Sara Beden, *Kesantunan dan Sensitiviti dalam Media Sosial*, Dewan Bahasa, hal. 60-61, 2011)

- 14 Apakah maksud perkataan *wahana* dalam petikan di atas?
- A Alat
  - B Bekas
  - C Tempat
  - D Saluran
- 15 Mengapakah bahasa yang diucapkan oleh seseorang itu penting?
- A Bahasa yang diucapkan oleh seseorang dapat menunjukkan latar akhlak seseorang.
  - B Bahasa yang diucapkan oleh seseorang dapat mencerminkan adab komunikasi seseorang.
  - C Bahasa yang diucapkan oleh seseorang dapat menunjukkan lenggok bahasa yang digunakan.
  - D Bahasa yang diucapkan oleh seseorang dapat mencerminkan kehemahan dan kehalusan budi bicara seseorang.
- 16 Mengapakah kesantunan bahasa penting dalam komunikasi?
- A Kesantunan bahasa penting dalam komunikasi untuk mempamerkan keperibadian seseorang.
  - B Kesantunan bahasa penting dalam komunikasi untuk menjaga sensitiviti dan kesejahteraan orang lain.
  - C Kesantunan bahasa penting dalam komunikasi untuk menunjukkan kecanggihan sistem komunikasi.
  - D Kesantunan bahasa penting dalam komunikasi untuk memperlihatkan komunikasi secara maya tanpa mengira jarak dan ruang.
- 17 Terdapat tiga komponen yang merujuk kepada sikap dan keperibadian individu, iaitu
- A komponen afektif, peribadi, dan adab
  - B komponen peribadi, kognitif, dan afektif
  - C komponen kognitif, afektif, dan tingkah laku
  - D komponen tingkah laku, peribadi, dan kognitif

**SULIT\***

- 18 Apakah kesannya apabila kesantunan bahasa diabaikan dalam media sosial?
- A Masyarakat akan menggunakan media sosial untuk meluahkan emosi.
  - B Masyarakat akan menggunakan media sosial untuk memaki dan menghina.
  - C Masyarakat akan menggunakan media sosial untuk menimbulkan pelbagai isu.
  - D Masyarakat akan menggunakan media sosial untuk melontarkan kata-kata kesat.
- 19 Mengapakah isu gurauan *YouTuber* yang dikemukakan dalam teks menjadi kemarahan netizen?
- A *YouTuber* tersebut telah menggores hati kaum yang terlibat.
  - B *YouTuber* tersebut tidak peka akan warisan budaya sesuatu kaum.
  - C *YouTuber* tersebut membuat satu gurauan yang tidak disengajakan.
  - D *YouTuber* tersebut tidak menghargai warisan budaya kaum yang disebut.
- 20 Kaitkan peribahasa ‘sudah terhantuk baru tengadah’ dengan sikap pengguna yang mengabaikan sensitiviti komunikasi dalam media sosial.
- A Pengguna yang terlibat menganggap ucapan yang diujarkan sebagai tidak sensitif.
  - B Pengguna yang terlibat menyesal dengan sikapnya namun semuanya sudah tidak berguna lagi.
  - C Pengguna yang terlibat mengakui kesilapannya namun tidak memberikan kesan kepada dirinya.
  - D Pengguna yang terlibat menganggap ucapan yang dikeluarkan itu sebagai gurauan semata-mata.

21 

Ujaran yang keluar daripada mulut kita umpama sebutir bom yang boleh menyebabkan letupan sehingga mencederakan orang lain.
--

- Berdasarkan petikan di atas, mengapakah penjagaan kesantunan dan sensitiviti dalam media sosial penting?
- A Percakapan yang sensitif menjadikan pihak yang terlibat tertekan.
  - B Percakapan yang sensitif akan menyukarkan orang lain menerimanya.
  - C Percakapan yang sensitif akan menyebabkan hati pihak yang terlibat cedera.
  - D Percakapan yang sensitif akan menyebabkan pihak yang terlibat tersinggung.

**SULIT\***

### **Bahagian III**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. 9 ayat telah dikeluarkan daripada petikan ini. Pilih jawapan A hingga J bagi menjawab soalan 22 hingga soalan 30. Terdapat satu ayat tambahan yang bukan jawapan.*

“Betul ke ayah nak beli tanah tepi sungai tu?” Tanya Anis ketika berkunjung ke rumah ayah pada hujung minggu. Emak Anis sibuk di dapur menyediakan minuman petang. Tariq, suami Anis duduk bersebelahan Anis.

“Emak dah cakap pada ayah, tak payah beli. Rumah dan tanah ini pun dah luas untuk kami berdua tinggal,” sampuk emak sambil membawa sepinggan kuih cekodok pisang. 5

“Kamu itu tak berpandangan jauh, Kiah oii! Aku beli tanah itu, nak buat inap desa. 22\_. Sejak wabak COVID-19 ni, ramai orang melancong dalam negara saja. Kerajaan tak bagi pergi melancong ke luar negara bagi membendung wabak COVID-19,” ujar Haji Ebrahim menjelaskan perancangannya yang sudah lama menerawang dalam kepala.

Tariq hanya mendiamkan diri. Sebagai menantu, dia tidak mahu mencampuri urusan mentua. Meskipun dalam hati, Tariq semacam ingin menyampuk memberi pendapat. 10

“Ayah dah fikir habis-habis?” Anis menduga lagi kemahuan ayah. Sudah pasti ayah telah termakan pujuk rayu si penjual tanah.

“Ya, Anis oii. Ayah nak buat inap desa macam di Janda Baik tu. Landskapnya ayah nak buat cantik-cantik. 23\_. Haji Ebrahim terbayangkan suasana Janda Baik yang pernah dikunjunginya. Dia terbayangkan air sungai yang jernih mengalir di celah-celah batu. 24\_.

 15

“Tapi ayah, harga tanah itu terlalu mahal. Itu belum lagi harga rumah inap desa yang akan dibina atas tanah tu!” Anis menyuarakan pendapatnya.

“Saya setuju dengan cakap Anis, bang. Nanti duit awak itu habis buat projek impian awak itu saja,” kata Hajah Rokiah menyokong kata-kata Anis. 20

Hajah Rokiah sendiri pelik dengan perubahan suaminya. Tiba-tiba hendak membangunkan projek inap desa. Hantu mana yang telah merasuk suaminya. 25\_.

“Memang betul itu ayah. Nanti duit ganjaran perkhidmatan ayah habis beli tanah dan buat rumah inap desa. Sedangkan duit tu ayah hendak guna menguruskan kehidupan ayah setiap hari. Keperluan makan minum. Keperluan pakaian. Bayar bil api. Bil air. Bil internet. 25

“Itu belum lagi jika berlaku perkara kecemasan. Mesti memerlukan duit. Jika ayah habiskan duit ayah dalam masa sehari, nanti apa yang tinggal. 26\_,” luah Anis menyuarakan kebimbangan di hatinya. 30

Tariq masih tidak bersuara. 27\_.

“Kamu dengar ini Kiah, Anis, Tariq! Bila inap desa itu siap nanti, katalah ayah letak sewa semalam RM600. Jika tiap-tiap Sabtu Ahad ada orang sewa, ayah boleh dapat sebulan RM4,800. Itu dah ibarat gaji ayah sebulan. Kalau tiap-tiap hari ada orang sewa, lagi mewahlah gaji bulanan ayah! Itu pun belum campur hari cuti umum!” 28\_. “Tapi ayah, duit itu ayah belum tolak duit penyelenggaraan rumah lagi. Duit gaji pekerja. Ayah sanggup ke uruskan rumah itu seorang diri?” Tiba-tiba Tariq menyampuk memberi pandangan. 35

**SULIT\***

“Insya-Allah, ayah masih kuat lagi! Kamu semua boleh tengok dengan mata sendiri keadaan ayah ini kan!” Haji Ebrahim menjawab dengan yakin. Dia masih tidak mahu mengalah. 40

“Abang jangan cakap besar. Saya risaukan awak tu!” Ujar Hajah Rokiah perlahan. Suaminya tetap berdegil.

Suasana sepi seketika. 29\_. Anis dan Tariq berpandangan sesama sendiri tanpa kata-kata.

“Ni ada lagi satu contoh ayah nak bagi tahu. Ada seorang kawan ayah. Baru setahun lebih pencen. Dia buat rumah inap desa di tengah bendang di Tanjung Karang. Tiap-tiap minggu dan cuti umum, rumah itu penuh dengan pengunjung. Sekarang ini, daripada sebuah rumah, dia dah tambah tiga buah inap desa lagi. “Maknanya dia mendapat keuntungan sehingga boleh menambah beberapa rumah! Pada hal rumah itu tak ada sungai jernih yang mengalir macam rumah yang ayah nak buat tu! Atau macam sungai di Janda Baik!” Haji Ebrahim menyampaikan hujahnya untuk meyakinkan isteri, anak, dan menantunya. 45 50

“Tapi ayah...”

“Sudah! Tak ada tapi-tapi! Ayah tetap akan membeli tanah tepi sungai tu dan akan membangunkan inap desa. Ayah pun teringin nak jadi usahawan juga!” Haji Ebrahim membuat keputusan nekad. Isteri, anak, dan menantunya hanya diam melongo. 55

Urusan pembelian tanah berjalan lancar. Hak milik tanah telah ditukar nama. Haji Ebrahim tersenyum puas. 30\_.

Separuh duit dalam akaun banknya telah menyusut. Haji Ebrahim mencari kontraktor yang akan mereka bentuk dan membina rumah inap desa yang diidam-idamkannya. Dia mahu reka bentuk inap desa mengikut cita rasanya. Dia mahu rumah itu memiliki ciri-ciri rumah tradisi orang Melayu. Akhirnya, Haji Ebrahim menemui kontraktor yang memenuhi kehendaknya membina inap desa yang diimpikannya. 60

Hajah Rokiah tidak mampu berbuat apa-apa. Suaminya tidak dapat dipujuk lagi. Begitu juga dengan Anis. Ayahnya tekad hendak melaksanakan projek inap desa yang telah dicanang ayahnya satu kampung. Mereka tiga beranak hanya mampu berdoa semoga projek inap desa berjalan dengan lancar. 65

*(Diubah suai daripada cerpen dalam <https://www.utusan.com.my/rencana/2022/03/rumah/>)*

**SULIT\***

- A Ayah tinggal sehelai sepinggang nanti.
- B Aku nak jadikan tempat tu kawasan pelancongan.
- C Harapan Haji Ebrahim ramai orang akan datang menginap di inap desa yang dibinanya nanti.
- D Haji Ebrahim berasa seronok apabila orang ramai mula bertanyakan inap desa yang akan dibinanya nanti.
- E Semangat Haji Ebrahim membara-bara setelah tanah tepi sungai menjadi miliknya.
- F Sekarang ini pagi petang siang malam, suaminya asyik bercakap tentang projek inap desa.
- G Dia duduk di atas batu sambil kedua-dua kakinya terendam di dalam air sungai yang dingin.
- H Haji Ebrahim menerangkan gambaran keuntungan yang akan diperolehi daripada projek rumah inap desa yang akan dibina.
- I Dia tidak mahu jika kata-katanya akan membuatkan mentuanya merajuk atau bergaduh dengannya.
- J Hajah Rokiah menggeleng-gelengkan kepala mengenangkan sikap suaminya yang masih berkeras hendak membeli tanah di tepi sungai kerana ingin membina rumah inap desa.

**HALAMAN KOSONG**

SULIT\*

# ***SOALAN CONTOH***

**300/3**

**UPBMG**

## **UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG)**

**KEMAHIRAN MENULIS  
(90 minit)**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)**

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas soalan ini mengandungi dua tugas iaitu Tugas 1 dan Tugas 2.*

*Jawab kedua-dua tugas dalam helaian jawapan yang disediakan.*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2022

**UPBMG 2022 - 300/3**

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT\*]**



**SULIT\***

**Tugasan 1 [30 markah]**

[Masa dicadangkan: 30 minit]

*Tulis esei yang panjangnya 200 patah perkataan berdasarkan gambar rajah di bawah.*

Huraikan faktor-faktor yang menggalakkan industri pelancongan di negara kita.

**Industri Pelancongan**



UPBMG 2022 - 300/3

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT\*]

**SULIT\***

**Tugasan 2** [70 markah]  
[Masa dicadangkan: 1 jam]

*Tulis esei yang panjangnya 450 patah perkataan berdasarkan tajuk di bawah.*

Aktiviti berbasikal merupakan satu aktiviti yang popular pada masa ini. Bincangkan kebaikan dan keburukan aktiviti berbasikal.

**HALAMAN KOSONG**

SULIT\*

# SOALAN CONTOH

300/4

UPBMG

## UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG)

### KEMAHIRAN MENDENGAR (30 minit)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas soalan ini terdiri daripada 30 soalan yang terbahagi kepada lima bahagian, iaitu Bahagian I, Bahagian II, Bahagian III, Bahagian IV, dan Bahagian V.*

*Jawab semua soalan.*

*Setiap bahagian mengandungi rakaman perbualan yang terdiri daripada dialog atau monolog.*

*Rakaman diperdengarkan sekali sahaja.*

*Semasa mendengar rakaman tersebut, jawab semua soalan yang diberikan dan tandakan jawapan anda pada borang jawapan aneka pilihan yang dibekalkan.*

*Anda diberikan masa selama 1 minit untuk membaca soalan. Kemudian, jawab soalan sambil mendengar rakaman tersebut dalam masa yang ditetapkan.*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2022

UPBMG 2022 - 300/4

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT\***

**SULIT\***

**Dialog 1**

*Dengar perbualan dengan teliti. Dialog ini melibatkan dua orang penutur, iaitu Pak Samad dan Tuan Haji Haziq. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 1 hingga soalan 6. Anda diminta untuk menanda jawapan pada borang jawapan aneka pilihan yang dibekalkan.*

- 1 Pak Samad dalam dialog yang didengar ialah
  - A wakil peminangan dan bapa saudara
  - B wakil peminangan bagi pihak perempuan
  - C wakil peminangan bagi rombongan lelaki
  
- 2 Perkara utama yang dibincangkan dalam dialog ialah
  - A wang hantaran dan dulang iringan
  - B wang hantaran dan tarikh pernikahan
  - C wang hantaran dan majlis peminangan
  
- 3 Yang manakah proses perkahwinan masyarakat seperti yang dituturkan dalam dialog?
  - A Merisik, bertunang, dan bernikah
  - B Bertunang, bersanding, dan bernikah
  - C Merisik, berijab kabul, dan bersanding
  
- 4 Keluarga Pak Shahril berbesar hati menerima wang hantaran sebanyak RM15000.00 sebagai
  - A tanda menyimpul kasih bakal mempelai
  - B tanda mengikut adat perkahwinan Melayu
  - C tanda menyetujui permintaan pihak perempuan
  
- 5 Ungkapan yang sesuai untuk menggambarkan budaya perkahwinan ialah
  - A agama dijunjung, adat dikelek
  - B orang berbudi, kita berbahasa
  - C kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan
  
- 6 Apakah maksud frasa *syarat dan rukun hidup sempurna* dalam pantun Tuan Haji Haziq?
  - A Ijab kabul perlu diutamakan dalam perkahwinan orang Melayu.
  - B Kelengkapan hantaran perlu disediakan dalam adat peminangan Melayu.
  - C Hidangan makanan Melayu perlu disediakan semasa peminangan berlangsung.

**SULIT\***

## **Bahagian II**

### **Dialog 2**

*Dengar perbualan dengan teliti. Perbualan ini melibatkan dua orang penutur, iaitu penemu bual dan Dato' Awi daripada persatuan pengguna. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 7 hingga soalan 12. Anda diminta untuk menandakan jawapan pada borang jawapan aneka pilihan yang dibekalkan.*

- 7 Mengapakah kos sara hidup di bandar lebih membebankan berbanding dengan di luar bandar?
  - A Hutang yang menimbun
  - B Harga barang yang tinggi
  - C Kos sara hidup yang meningkat
- 8 Mengapakah pembelian semasa jualan murah sangat penting?
  - A Pembeli dapat menjimatkan duit
  - B Pembeli mendapat harga diskaun
  - C Pembeli memperoleh barangan promosi
- 9 Amalan membawa bekal ke tempat kerja penting untuk
  - A mengamalkan perbelanjaan berhemat
  - B membolehkan penjimatan masa berlaku
  - C memastikan kebersihan makanan terjamin
- 10 Apakah yang perlu dilakukan oleh pengguna bijak?
  - A Membuat laporan salah laku peniaga
  - B Mengambil tahu akan hak-hak pengguna
  - C Mengekang aktiviti mengaut keuntungan melampau
- 11 Bagaimanakah cara pengguna dapat membeli barangan dengan harga yang murah?
  - A Membuat perbandingan harga
  - B Membuat semakan stok barangan
  - C Menyimpan risalah rujukan harga
- 12 Kesan serta-merta sikap tidak membuat semakan stok barangan sebelum berbelanja ialah
  - A pembelian barangan tidak diperlukan
  - B penggunaan kad kredit tidak dirancang
  - C peruntukan belanja dapur tidak cukup

UPBMG 2022 - 300/4

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT\*]

**SULIT\***

### **Bahagian III**

#### **Dialog 3**

*Dengar perbualan dengan teliti. Perbualan ini melibatkan 3 orang penutur, iaitu pewawancara, Dato' Tan, dan Dr. Nirmala. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 13 hingga soalan 18. Anda diminta untuk menanda jawapan pada borang jawapan aneka pilihan yang dibekalkan.*

- 13** Mengapakah TMK wajar diaplikasikan dalam bidang pendidikan di Malaysia?
- A Menyumbang ilmu baharu dalam era teknologi
  - B Menghasilkan alat bantu mengajar secara digital
  - C Melaksanakan pembelajaran dan pengajaran secara maya
- 14** Apakah kepentingan pembentukan polisi TMK?
- A Merapatkan jurang digital antara sekolah
  - B Meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan sekolah
  - C Meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan sekolah
- 15** Apakah impak penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran?
- A Menjadikan pembelajaran berkesan
  - B Mewujudkan pembelajaran interaktif
  - C Menjadikan pembelajaran bermaklumat
- 16** Sebab utama laman sesawang pendidikan dapat menarik minat generasi kini kerana
- A memenuhi trend belajar terkini
  - B menambahkan ilmu pengetahuan
  - C menjadikan pembelajaran berkesan
- 17** Penggunaan TMK dalam pembelajaran dapat menjamin kualiti hasil kerja pelajar melalui
- A bimbingan guru yang berterusan
  - B pembelajaran koperatif secara maya
  - C aplikasi pendidikan yang mudah diakses
- 18** Isu menggalas beg yang penuh dengan buku ke sekolah dapat ditangani dengan
- A penggunaan laman web
  - B penggunaan buku digital
  - C penggunaan komputer sekolah

UPBMG 2022 - 300/4

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT\*]

**SULIT\***

#### **Bahagian IV**

##### **Monolog 1**

*Dengar teks ucapan ini dengan teliti. Teks ucapan ini merupakan sebahagian daripada Ucapan Majlis Perasmian Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 19 hingga soalan 24. Anda diminta untuk menanda jawapan pada borang jawapan aneka pilihan yang dibekalkan.*

- 19** Slogan Bahasa Jiwa Bangsa perlu dihayati kerana menjadi
- A identiti kebangsaan
  - B simbol kekuatan bangsa
  - C tanda kecintaan terhadap negara
- 20** Apakah tujuan slogan Bahasa Jiwa Bangsa diciptakan?
- A Lambang jati diri bangsa merdeka
  - B Memperkukuh penggunaan bahasa kebangsaan
  - C Mewujudkan semangat kecintaan terhadap negara
- 21** Mengapakah manuskrip bahasa Melayu dahulu menjadi rujukan dunia?
- A Kepengarangan orang Melayu setanding bangsa lain
  - B Karya besar bahasa Melayu dihasilkan dalam pelbagai bidang
  - C Sarjana dari luar negara ingin mengetahui tamadun bangsa Melayu
- 22** Apakah sebab utama Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu diadakan?
- A Mengangkat martabat bahasa Melayu
  - B Mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu
  - C Menjadi bahasa perhubungan utama alam Melayu
- 23** Apakah bukti komitmen kerajaan dalam memartabatkan bahasa Melayu?
- A Memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
  - B Menggalakkan pelaksanaan program kebahasaan dan kesusasteraan
  - C Melaksanakan Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu dalam perlembagaan
- 24** Bagaimanakah kerajaan menyemarakkan roh kecintaan terhadap bahasa Melayu?
- A Menggubal dasar yang dapat memartabatkan bahasa kebangsaan
  - B Menggalakkan pelaksanaan program kebahasaan dan kesusasteraan
  - C Memberikan komitmen terhadap Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan

UPBMG 2022 - 300/4

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT\*



**SULIT\***

**Bahagian V**

**Monolog 2**

*Dengar teks hebahan ini dengan teliti. Teks hebahan ini terdiri daripada tiga teks yang berbeza. Kandungan teks adalah tentang Tekanan di Tempat Kerja. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 25 hingga soalan 30. Anda diminta untuk menanda jawapan pada borang jawapan aneka pilihan yang dibekalkan.*

**25** Tindakan segera yang perlu diambil oleh pekerja yang mengalami tekanan di tempat kerja adalah dengan

- A membuat laporan kepada JKKP
- B membuat laporan kepada pihak polis
- C membuat laporan kepada pihak majikan

**26** Tindakan bijak yang boleh dilakukan oleh para pekerja selepas membuat laporan dan aduan adalah dengan

- A berkongsi bebanan kerja
- B berbincang dengan majikan
- C bersedia menerima perubahan

**27** Hubungan di tempat kerja menjadi tidak harmoni disebabkan oleh

- A tekanan di tempat kerja
- B pengurusan yang lemah
- C tuntutan kerja yang pelbagai

**28** Padanan yang manakah yang betul antara faktor tekanan bekerja dari rumah dengan cara penyelesaiannya?

	<i>Faktor tekanan</i>	<i>Cara penyelesaian</i>
<b>A</b>	Tidak dapat beriadah di luar rumah	Beralih bekerja ke pejabat
<b>B</b>	Terlepas peluang untuk berinteraksi dengan orang lain	Memperuntukkan masa beriadah
<b>C</b>	Sukar mengimbangi tuntutan kerja dengan tanggungjawab di rumah	Mengagihkan masa waktu kerja

**SULIT\***

**29** Tekanan jiwa yang melampau di tempat kerja secara berterusan akan menyebabkan

<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>
pengeluaran leptin	kegemukan abdominal	sindrom metabolik
darah tinggi	diabetes mellitus	sistem imun

**30** Mencegah lebih baik daripada mengubati merujuk kepada

- A** mengambil tindakan segera
- B** mengamalkan gaya hidup sihat
- C** makan buah-buahan dan sayur-sayuran

**HALAMAN KOSONG**

**TRANSKRIP**  
**UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU**  
**KEMAHIRAN MENDENGAR (300/4)**

**Bahagian I**

**Dialog 1**

*Anda diberikan masa selama 1 minit untuk membaca soalan.*

*Dengar perbualan ini dengan teliti. Dialog ini melibatkan dua orang penutur, iaitu Pak Samad dan Tuan Haji Haziq. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 1 hingga soalan 6. Anda diminta untuk menanda jawapan pada borang jawapan yang disediakan. Anda diberikan masa selama 3 minit untuk menjawab soalan sambil mendengar rakaman.*

Rombongan peminangan Tuan Haji Haziq ke rumah Pak Shahril. Mereka menanti acara berlangsung di ruang tamu. Majlis peminangan dimulakan oleh Pak Samad yang menjadi wakil pihak perempuan.

Pak Samad: Assalamualaikum. Saya mewakili keluarga Pak Shahril. Apakah hajat kehadiran ini?

Tuan Haji Haziq: *Bulan Bintang hendak dipanjat,  
Maung masam putik mengkudu;  
Mula merisik kemudian bertunang,  
Adat resam perkahwinan Melayu.  
  
Hidup di bumi untuk akhirat,  
Sangat penting menjaga kata;  
Teruna kami menyampaikan hasrat,  
Untuk menyunting anakanda jelita.*

Begitulah hajat kami. Kita terus kepada pokok perbincangan ya. Pihak lelaki menyediakan sebanyak RM15,000.00 wang hantaran dengan tujuh dulang iringan untuk bakal pengantin perempuan. Sudilah menerima seadanya pemberian ini.

Pak Samad: Andai itu dijadikan tanda menyimpul kasih bakal mempelai, kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan. Kami amat berbesar hati menerimanya. Kita tetapkan tarikh pernikahan dan persandingan ya. Kami berlapang dada kiranya ijab kabul anak saudara saya ini dilaksanakan pada 16 September 2022. Bagaimana perkiraan pihak tuan haji?

Tuan Haji Haziq: Kami tiada halangan. Bagi kami, yang wajib perlu didahulukan.

*Puteri makyung berjari lentik,  
Cantik berdandan menari di istana;  
Agama dijunjung adat dikelek,  
Syarat dan rukun hidup sempurna.  
  
Bunga seroja cantik bersemi,  
Tersusun rapi bunga selasih;  
Sekian sahaja hajat kami,  
Dirakam setinggi, ucapan kasih.*

Pak Samad: Sama-sama Tuan Haji. Maka, selesailah perbincangan kita ini ya. Mana-mana yang terkurang, ampun dan maaf kami dahulukan. Orang berbudi, kita berbahasa. Silakan menjamah makanan yang sedia terhidang.

## Bahagian 11

### Dialog 2

*Anda diberikan masa selama 1 minit untuk membaca soalan.*

*Dengar perbualan ini dengan teliti. Perbualan ini melibatkan dua orang penutur, iaitu penemu bual dan Dato' Awi daripada persatuan pengguna. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 7 hingga soalan 12. Anda diminta untuk menandakan jawapan pada borang jawapan yang disediakan. Anda diberikan masa selama 3 minit untuk menjawab soalan sambil mendengar rakaman.*

Penemu bual: Dato' Awi, apakah punca meningkatnya kos sara hidup di bandar?

Dato' Awi: Puncanya ialah kenaikan harga barang keperluan. Kos sara hidup di bandar lebih membebankan masyarakat bandar kerana harga barang di bandar lebih tinggi berbanding di luar bandar. Mereka juga terbeban dengan timbunan hutang.

Penemu bual: Bagaimanakah cara untuk menangani situasi ini, Dato' Awi?

Dato' Awi: Pertama, belilah barangan sewaktu jualan murah. Pembeli boleh berjimat kerana ketika ini penjual akan membuat promosi barangan dengan menawarkan harga diskaun. Kedua, bawalah bekal ke tempat kerja. Selain menjimatkan masa, amalan ini mendidik individu untuk mengurus perbelanjaan secara berhemat. Ketiga, kualiti dan kebersihan makanan juga dapat dijamin.

Penemu bual: Mungkin ada beberapa nasihat lain yang ingin Dato' Awi kongsi.

Dato' Awi: Penguatkuasaan undang-undang penting bagi membendung sikap tamak penjual yang mengaut keuntungan melampau. Pengguna yang bijak tahu akan hak-hak mereka. Pengguna boleh melaporkan sebarang salah laku peniaga melalui saluran yang disediakan kerajaan. Selain itu, pengguna perlu berbelanja secara bijak, iaitu mendapatkan barang yang diperlukan dengan harga yang lebih murah. Buatlah perbandingan harga barang di kedai atau di pasar raya. Simpanlah mana-mana risalah barangan yang ditemukan sebagai sumber rujukan harga barangan dan gunakanlah baucar pembelian yang diperoleh untuk menjimatkan belanja. Sebelum berbelanja buatlah semakan stok barangan dahulu. Jika tidak, anda akan membeli barangan yang tidak diperlukan. Kesannya, peruntukan barang dapur jadi tidak cukup. Lebih malang, jika anda terpaksa berbelanja dengan menggunakan kad kredit.

### **Bahagian III**

#### **Dialog 3**

*Anda diberikan masa selama 1 minit untuk membaca soalan.*

*Dengar perbualan ini dengan teliti. Perbualan ini melibatkan 3 orang penutur, iaitu pewawancara, Dato' Tan, dan Dr. Nirmala. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 13 hingga soalan 18. Anda diminta untuk menanda jawapan pada borang jawapan yang disediakan. Anda diberikan masa selama 5 minit untuk menjawab soalan sambil mendengar rakaman.*

Pewawancara: Dato' Tan, apakah pandangan Dato tentang Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam bidang pendidikan di Malaysia?

Dato' Tan: Pengaplikasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam bidang pendidikan di Malaysia dapat menyumbangkan pemerolehan ilmu baharu dalam era Revolusi Industri 4.0. Sebagai contohnya, pembelajaran dan pengajaran secara maya atau penghasilan alat bantu mengajar secara digital. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membentuk tiga polisi utama yang dapat meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan di negara kita. Polisi tersebut ialah kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi disediakan untuk semua murid sebagai langkah untuk mengurangkan jurang digital antara sekolah. Teknologi Maklumat dan Komunikasi juga menjadi mata pelajaran di sekolah dan digunakan untuk meningkatkan produktiviti serta keberkesanan dalam sistem pengurusan sekolah.

Pewawancara: Dr. Nirmala, teknologi dalam pendidikan banyak impaknya. Apakah komen Dr.?

Dr. Nirmala: Penggunaan teknologi dalam pendidikan membolehkan pelajar memperoleh ilmu hanya dengan satu klik. Hal ini dapat menjimatkan masa mereka. Berbanding dengan pelajar pada masa lalu, mereka terpaksa mencari maklumat secara manual atau menggunakan bahan bercetak sahaja. Oleh itu, proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan. Di samping itu, laman sesawang pendidikan yang bersifat interaktif dan informatif menjadi tarikan kepada pelajar. Laman sesawang ini dapat memenuhi trend belajar generasi kini. Sesungguhnya, hal ini menjadi tarikan kepada murid untuk menimba ilmu pengetahuan.

Pewawancara: Dato', benarkah penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dapat meningkatkan kualiti pembelajaran para pelajar?

Dato' Tan: Ya, benar. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dapat menjamin kualiti hasil kerja murid. Hal ini dikatakan demikian kerana murid dibimbing oleh guru secara berterusan melalui aplikasi pendidikan yang mudah diakses. Strategi pembelajaran kolaboratif dan koperatif yang dijalankan secara maya memudahkan murid untuk menghasilkan kerja yang kritis dan kreatif. Malahan penggunaan buku digital juga dapat meringankan beban murid yang terpaksa menggalas beg yang penuh dengan buku ke sekolah. Pihak sekolah dapat memuat naik buku teks digital ke laman web sekolah atau menyediakannya dalam CD-ROM atau menyimpannya dalam komputer sekolah.

## **Bahagian IV**

### **Dialog 4**

*Anda diberikan masa selama 1 minit untuk membaca soalan.*

*Dengar teks ucapan ini dengan teliti. Teks ucapan ini merupakan sebahagian daripada Ucapan Majlis Perasmian Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 19 hingga soalan 24. Anda diminta untuk menanda jawapan pada borang jawapan yang disediakan. Anda diberikan masa selama 5 minit untuk menjawab soalan sambil mendengar rakaman.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, pada malam ini kita dapat bersama-sama menyaksikan pentas akhir Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu atau PABM Piala Perdana Menteri, edisi keempat belas. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan pihak universiti selaku tuan rumah, atas penganjuran Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu pada kali ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

Slogan Bahasa Jiwa Bangsa telah dicipta pada tahun 1952 di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan oleh Ahli Lembaga Pembangun Sastera Perak. Slogan Bahasa Jiwa Bangsa membawa maksud, bahasa itu merupakan milik mutlak sesuatu bangsa dan menjadi identiti kebangsaan, serta lambang jati diri sesuatu bangsa merdeka. Kekuatan bangsa dan negara mempunyai perkaitan yang erat dengan bahasa. Slogan Bahasa Jiwa Bangsa dicipta untuk memperkukuh penggunaan bahasa kebangsaan. Oleh hal yang demikian, slogan Bahasa Jiwa Bangsa mestilah dihayati sepenuh jiwa sebagai tanda kecintaan terhadap negara Malaysia.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

Penganjuran Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu merupakan perjuangan untuk mengangkat martabat bahasa Melayu ke persada dunia di samping mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu yang pernah menjadi bahasa perhubungan utama dalam alam Melayu sejak zaman Kerajaan Sriwijaya dan Kerajaan Melaka. Pada ketika itu di Nusantara, banyak karya besar bahasa Melayu dihasilkan dalam pelbagai bidang. Karya besar bahasa Melayu seperti Tuhfat al-Nafis, Sulalatus Salatin, Bustan al-Katibin, Hikayat Abdullah, Hikayat Hang Tuah, Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut menjadi rujukan dunia yang membuktikan bahawa kepengarangan orang Melayu setanding dengan bangsa lain. Selain itu, ramai sarjana dari luar negara mengkaji karya besar bahasa Melayu kerana ingin mengetahui tamadun bangsa Melayu.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

Kerajaan komited untuk memastikan bahawa dasar yang digubal menyokong usaha pemartabatan bahasa Melayu. Seperti yang dilakukan oleh raja-raja Melayu terdahulu di bawah Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu, komitmen ini dizahirkan menerusi Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang jelas memperuntukkan bahasa kebangsaan di negara kita ialah bahasa Melayu. Hal ini sekali gus menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa perpaduan. Oleh itu, kerajaan sangat menggalakkan pelaksanaan program kebahasaan dan kesusasteraan yang dapat menyemarakkan roh kecintaan terhadap bahasa Melayu.

## **Bahagian V**

### **Dialog 5**

*Anda diberikan masa selama 1 minit untuk membaca soalan.*

*Dengar teks hebahan ini dengan teliti. Teks hebahan ini terdiri daripada tiga teks yang berbeza. Kandungan teks adalah tentang Tekanan di Tempat Kerja. Semasa mendengarnya, anda dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk soalan 25 hingga soalan 30. Anda diminta untuk menanda jawapan pada borang jawapan yang disediakan. Anda diberikan masa selama 5 minit untuk menjawab soalan sambil mendengar rakaman.*

#### **Teks 1**

Jangan ambil mudah akan masalah tekanan di tempat kerja kerana masalah ini akan menyebabkan kesihatan fizikal dan mental terjejas, malahan kualiti kerja semakin merosot. Sekiranya anda menghadapi masalah tekanan di tempat kerja, segeralah membuat laporan kepada pihak majikan. Namun begitu, jika tiada tindakan daripada pihak majikan, laporan boleh dibuat kepada pihak polis. Pekerja juga boleh membuat aduan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKPP). Jabatan ini bertanggungjawab untuk menguruskan aduan tentang tekanan di tempat kerja. Selain membuat laporan dan aduan, pekerja seharusnya mengambil tindakan yang bijak dengan bersedia untuk menerima perubahan di tempat kerja. Di samping itu, majikan perlu berbincang dengan pekerja untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh anak buahnya. Rakan-rakan sekerja juga perlu berkongsi bebanan kerja, umpama hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

#### **Teks 2**

Pengurusan yang lemah menyebabkan tekanan di tempat kerja. Kesannya ialah hubungan di tempat kerja menjadi tidak harmoni, penyediaan latihan yang tidak relevan dan tuntutan kerja yang pelbagai. Sekiranya masalah tekanan di tempat kerja tidak ditangani dengan baik, masalah ini boleh menjejaskan kesihatan mental. Hal ini akan memberikan implikasi negatif kepada produktiviti pekerja. Semasa pandemik COVID-19 melanda dunia, sesetengah pekerja lebih suka bekerja dari rumah kerana aturan kerja ini berupaya mengekang penularan wabak penyakit tersebut. Perkara ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada mereka untuk meluangkan masa dengan lebih banyak bersama-sama ahli keluarga. Namun begitu, ada juga dalam kalangan mereka yang berpendapat bahawa waktu bekerja mereka semakin panjang. Mereka juga sukar mengimbangi tuntutan kerja dengan tanggungjawab di rumah. Seseorang yang bekerja dari rumah akan terlepas peluang untuk bertemu muka, berinteraksi dengan orang lain dan beriadah di luar rumah. Akibatnya mereka yang bekerja dari rumah berasa lebih tertekan berbanding dengan mereka yang bekerja di pejabat. Oleh itu, pekerja yang bekerja dari rumah seharusnya pandai mengagihkan masa waktu kerja dengan tepat, meluangkan masa bersama dengan keluarga dan memperuntukkan masa beriadah serta bersosial.



### **Teks 3**

Tekanan jiwa di tempat kerja memberikan impak negatif kepada kesihatan fizikal dan mental pekerja. Tekanan yang berterusan boleh mengaktifkan sistem imun dan memberikan kesan kepada fungsi otak yang boleh menyebabkan kemurungan melampau. Individu yang mengalami tekanan jiwa biasanya akan mengambil makanan yang tinggi kandungan gula dan lemak untuk menghilangkan tekanan yang berterusan. Pengambilan makanan secara berlebihan akan mengaktifkan pengeluaran leptin yang akan meningkatkan selera makan dan mendatangkan pelbagai penyakit. Selain itu, individu yang mengalami tekanan jiwa yang melampau di tempat kerja akan mendapat sindrom metabolik, iaitu kegemukan abdominal, darah tinggi dan diabetes mellitus. Sindrom metabolik juga dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser payudara dalam kalangan wanita dan keupayaan kognitif yang rendah dalam kalangan mereka yang lebih muda. Individu yang mengalami masalah tekanan jiwa digalakkan untuk makan buah-buahan dan sayur-sayuran, tidur mencukupi dan berfikiran positif kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Oleh itu, pekerja yang mengalami tekanan jiwa di tempat kerja perlulah bertindak segera dengan mengamalkan gaya hidup sihat tersebut kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

